PERATURAN AKADEMIK

PENGAJIAN PASCASISWAZAH

EDISI KEEMPAT



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

VERSI PRA-PENERBITAN
Untuk hebahan dalam talian sebelum penerbitan rasmi.

Edisi Pertama : 2011
Edisi Kedua : 2018
Edisi Ketiga : 2020
Edisi Keempat : 2026

© UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN I
PENGENALAN

Perkara		
1.	Nama & Skop Peraturan	1
2.	Takrifan	1

BAHAGIAN II
SYARAT DAN PERMOHONAN

3.	Syarat Kemasukan ke Program Sarjana secara Kerja Kursus	9
4.	Syarat Kemasukan ke Program Sarjana secara Mod Campuran dan Penyelidikan	9
5.	Syarat Kemasukan ke Ijazah Kedoktoran secara Penyelidikan	9
6.	Syarat Kemasukan Kedoktoran secara Kerja Kursus dan Mod Campuran	10
7.	Syarat Kemasukan Program Berasaskan Pengalaman Kerja (APEL.Q)	10
8.	Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris	10
9.	Pengecualian Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris	12
10.	Pengesahan Kelayakan Akademik	12
11.	Permohonan dan Penawaran Program Pengajian	12

BAHAGIAN III
PENDAFTARAN DAN ENROLMEN

12.	Pendaftaran Program	13
13.	Enrolmen dan Tempoh Pengajian	14
14.	Pertukaran Pelajar Penyelidikan dari Universiti/Institusi Lain	14
15.	Pertukaran Program, Kaedah Penyampaian dan Kaedah Pelaksanaan	15
16.	Pertukaran Status Pendaftaran daripada Sarjana Falsafah ke Doktor Falsafah (*Conversion*)	15
17.	Pendaftaran Kursus Pra-Syarat	16
18.	Syarat Pendaftaran Kursus	16
19.	Status Pendaftaran Kursus	17
20.	Pendaftaran Kursus Umum Universiti	17
21.	Penarikan Status Diberhentikan kerana Tidak Daftar Kursus	17
22.	Pembetulan Pendaftaran Kursus	17
23.	Tarik Diri (TD) Kursus	17
24.	Yuran Pengajian	18
25.	Kehadiran	18
26.	Beban Akademik	19
27.	Pemindahan Kredit	19
28.	Pemindahan Kredit dengan Gred (CWG)	19
29.	Pemindahan Kredit tanpa Gred (CWO)	20
30.	Had Pemindahan Kredit	21
31.	Penangguhan, Penggantungan dan Pemberhentian	23

BAHAGIAN IV
PENYELIAAN DAN PENASIHATAN PELAJAR

32.	Penyeliaan dan Penasihatan Pelajar	25

BAHAGIAN V
TESIS/ DISERTASI/ LAPORAN PROJEK SARJANA

33.	Format dan Syarat Penghantaran Tesis/ Disertasi/ Laporan Projek	26
34.	Bahasa Dalam Tesis / Disertasi / Laporan Projek	28
35.	Tesis/ Disertasi secara Penerbitan	28
36.	Yuran Peperiksaan Lisan (*Viva-Voce*)	28

BAHAGIAN VI
PENILAIAN

37. Kaedah Penilaian 29
38. Penilaian Kelayakan *Fast-Track* 29
39. Pentaksiran Akhir 29
40. Peperiksaan Akhir 30
41. Peperiksaan Khas 30
42. Penilaian Laporan Cadangan Penyelidikan 31
43. Penilaian Laporan Kemajuan 31
44. Peperiksaan Lisan (*Viva-Voce*) 31
45. Panel Pemeriksa Tesis/ Disertasi 31
46. Keputusan Penilaian Cadangan Penyelidikan 33
47. Keputusan Peperiksaan Lisan (*Viva-Voce*) 33
48. Markah, Gred, Mata Nilai dan Taraf Pencapaian 34
49. Gred-Gred Lain 35
50. Status Kursus Tidak Selesai (TS) 36
51. Kedudukan Akademik 36
52. Ulang Kursus (UK) 38
53. Daftar Semula (DS) 38

BAHAGIAN VII
ADUAN DAN RAYUAN

54. Aduan Berkaitan Penyelidikan 40
55. Rayuan Keputusan Penilaian 40

BAHAGIAN VIII
PENGANUGERAHAN

56. Jumlah Kredit Penganugerahan 42
57. Syarat Penganugerahan Ijazah/ Diploma/ Sijil Pascasiswazah 42
58. Syarat Penganugerahan Ijazah Anumerta 43
59. Syarat Penganugerahan Ijazah Dual /Bersama /Berganda 43

BAHAGIAN IX
SALAH LAKU AKADEMIK

60. Plagiat 44
61. Salah Laku Pentaksiran 44
62. Salah Laku Peperiksaan 45
63. Tindakan Kerana Melakukan Salah Laku Akademik 45

BAHAGIAN X
PENARIKAN DIRI DARI UNIVERSITI

64. Penarikan Diri Pengajian dari Universiti 47

BAHAGIAN XI
PELAJAR KURANG UPAYA

65. Pelajar Kurang Upaya 48

BAHAGIAN XII
PERUNTUKAN AM, KONFLIK KEPENTINGAN DAN PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN PERATURAN

66. Peruntukan Am 49
67. Perisytiharan Konflik Kepentingan 49
68. Penguatkuasaan Pemakaian Peraturan 49

BAHAGIAN XIII
LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: Panduan Pendaftaran Kursus Pengajian Pascasiswazah	50
LAMPIRAN 2: Panduan Mengemukakan Aduan Bagi Pelajar Pascasiswazah yang Menjalani Penyelidikan	52
LAMPIRAN 3: Panduan Rayuan Keputusan Pemeriksaan Tesis/ Disertasi dan Peperiksaan Lisan	53
LAMPIRAN 4: Panduan Rayuan Keputusan Akademik Mod Kerja Kursus	56
LAMPIRAN 5: Panduan Pelaksanaan Semester Pendek	58
LAMPIRAN 6: Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir	60

SENARAI SINGKATAN

APEL	***Accreditation of Prior Experiential Learning***
APEL.A	***Accreditation of Prior Experiential Learning for Access***
APEL.C	***Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award***
APEL.M	***Accreditation of Prior Experiential Learning for Micro-credentials***
APEL.Q	***APEL for Award of Academic Qualifications***
CAE	***Certificate in Advanced English***
CEQ	***Cambridge English Qualifications***
CIEP	***Certified Intensive English Programme***
CPE	***Certificate of Proficiency in English***
CWG	***Credit Transfer with Grade***
CWO	***Credit Transfer without Grade***
CT APEL	**Pindah Kredit APEL.C**
DS	**Daftar Semula**
GG	**Gagal**
GOT	***Graduate-on-Time***
HG	**Hadir Gagal**
HL	**Hadir Lulus**
HS	**Hadir Sahaja**
HW	**Hadir Wajib**
iBT	***Internet-based Test***
IELTS	***International English Language Testing System***
IPT	**Institut Pengajian Tinggi**
JAPSU	**Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti**

JIM	**Jabatan Imigresen Malaysia**
JKAF	**Jawatankuasa Akademik Fakulti**
JKTS (P&P)	**Jawatankuasa Tetap Senat (Peperiksaan dan Pengijazahan)**
JPP	**Jam Pembelajaran Pelajar**
KB	**Kedudukan Baik**
KD	**Kredit Dapat**
KG	**Kedudukan Gagal**
KGDS	**Kedudukan Gagal Daftar Semula**
KK	**Kredit Kira**
KPT	**Kementerian Pendidikan Tinggi**
KS	**Kedudukan Bersyarat**
MC	***Micro-Credentials***
MM	**Memuaskan**
MOOC	***Massive Open Online Course***
MQA	***Malaysian Qualifications Agency***
MQF	***Malaysian Qualifications Framework***
MUET	***Malaysian University English Test***
MyRA	***Malaysia Research Assessment***
ODL	***Open and Distance Learning***
PhD	***Doctor of Philosophy***
PNG	**Purata Mata Nilai Gred**
PNGK	**Purata Mata Nilai Gred Kumulatif**
PRISMS	**Program Integrasi Ijazah Sarjana Muda-Sarjana**
PTE	***Pearson Test of English***

SLT	***Student Learning Time***
SPS	**Sekolah Pengajian Siswazah**
TD	**Tarik Diri**
TESL	***Teaching English as a Second Language***
TM	**Tidak Memuaskan**
TOEFL	***Test of English as a Foreign Language***
TS	**Tidak Selesai**
TT	**Tamat Tempoh**
UG	**Ulang Gred**
UK	**Ulang Kursus**
UTM	**Universiti Teknologi Malaysia**
V	**Status Peperiksaan**

PERATURAN AKADEMIK PENGAJIAN PASCASISWAZAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA 2026

BAHAGIAN I
PENGENALAN

Perkara 1 Nama & Skop Peraturan

(1) Peraturan ini dinamakan Peraturan Akademik Pengajian Pascasiswazah Universiti Teknologi Malaysia 2026.

(2) Peraturan Akademik ini terpakai kepada semua pelajar pascasiswazah yang mendaftar dalam program pengajian pascasiswazah di peringkat Ijazah Kedoktoran, Ijazah Sarjana, Diploma Pascasiswazah dan Sijil Pascasiswazah di Universiti Teknologi Malaysia.

(a) Menyediakan panduan kepada pelajar dalam merancang, mengurus, dan mengikuti pengajian pascasiswazah di Universiti Teknologi Malaysia.

(b) Memberikan panduan kepada fakulti atau pusat tanggungjawab (PTJ) dalam pengurusan program pengajian dan pelajar pascasiswazah.

(3) Tujuan peraturan ini adalah untuk:

Perkara 2 Takrifan

Terminologi dalam Peraturan Akademik Pengajian Pascasiswazah Universiti Teknologi Malaysia 2026 ini digunakan mengikut maksud takrifan berikut:

(1) ***Academic Residential Requirement*** bermaksud keberadaan pelajar secara fizikal atau bukan fizikal di Universiti.

(2) ***Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)*** atau Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu merujuk kepada satu proses sistematik yang melibatkan pengenalpastian, pendokumentasian dan pentaksiran pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu (iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap) bagi menentukan sejauh mana seseorang individu telah mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan untuk tujuan akses ke sesuatu program pengajian dan/ atau penganugerahan kredit.

(3) ***Accreditation of Prior Experiential Learning for Access (APEL.A)*** merujuk kepada akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu bagi tujuan kemasukan/ akses ke sesuatu program pengajian di bawah pelbagai tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

(4) ***Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award (APEL.C)*** merujuk kepada akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu bagi tujuan penganugerahan kredit untuk kursus dalam sesuatu program pengajian.

(5) ***Accreditation of Prior Experiential Learning for Micro-credentials (APEL.M)*** merujuk kepada akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu bagi tujuan memperoleh penganugerahan kelayakan di bawah pelbagai tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

(6) ***Accreditation of Prior Experiential Learning for Award of Academic Qualifications (APEL.Q)*** merujuk kepada penganugerahan kelayakan akademik melalui proses penilaian dan pentaksiran pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu terhadap program yang diakredit sepenuhnya yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia.

(7) **Calon** merujuk kepada individu yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti pengajian pascasiswazah di UTM tetapi belum mendaftar untuk program pengajian.

(8) **Diberhentikan** merujuk kepada

(i) pelajar yang tidak mencapai tahap lulus dalam pengajian; atau
(ii) pelajar yang tidak mendaftar sebarang kursus dalam sesuatu semester di bawah Peraturan Akademik Pengajian Pascasiswazah; atau
(iii) pelajar yang telah menggunakan sepenuhnya tempoh maksimum pengajian; atau
(iv) pelajar yang diberhentikan dari Universiti di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Teknologi Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024.

(9) **Diploma Pascasiswazah** merujuk kepada kelayakan yang dianugerahkan kepada pelajar yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau setaraf setelah menamatkan sekurang-kurangnya 30 kredit bergraduat dengan kompetensi sekurang-kurangnya pada Tahap 7 MQF.

(10) **Disertasi** merujuk kepada karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Mod Campuran atau Ijazah Kedoktoran Mod Campuran.

(11) **Fakulti** merujuk kepada entiti akademik yang menawarkan program akademik yang diikuti oleh pelajar.

(12) **Gagal (GG)** merujuk kepada gred keputusan 'Gagal' bagi pentaksiran komponen penyelidikan.

(13) ***Graduate-on-Time*** **(GOT)** merujuk kepada pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh 48 bulan berdasarkan definisi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau tujuh (7) semester atau 42 bulan berdasarkan definisi *Malaysia Research Assessmen*t (MyRA), yang dihitung dari semester mendaftar hingga semester bergraduat yang diluluskan oleh Senat. Tempoh ini tidak termasuk tempoh pelajar mengikuti program persediaan Bahasa Inggeris atau menangguhkan pengajian atas sebab-sebab yang tidak diambil kira dalam pengiraan semester pengajian, seperti cuti sakit atau berkhidmat untuk negara.

(14) **Gred Kursus** merujuk kepada gred pencapaian pelajar bagi sesuatu kursus sama ada mempunyai mata nilai atau tanpa mata nilai.

(15) **Gred Kursus dengan Mata Nilai** merujuk kepada gred sesuatu kursus yang memberi mata nilai bagi menunjukkan tahap pencapaian pelajar dalam sesuatu kursus.

(16) **Gred Kursus tanpa Mata Nilai** merujuk kepada gred bagi sesuatu kursus yang tidak mempunyai mata nilai, dan ianya diberikan keputusan sama ada **Hadir Sahaja (HS), Hadir Lulus (HL)** atau **Hadir Gagal (HG)**.

(17) **Hadir Sahaja (HS)** merujuk kepada status pendaftaran kursus yang tidak termasuk dalam kurikulum program, tetapi diambil untuk menambah pengetahuan dan kemahiran pelajar dengan kebenaran pensyarah kursus. Rekod pendaftaran kursus ini akan dicatat dalam transkrip sekiranya kehadiran pelajar mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah jam pertemuan.

(18) **Hadir Wajib (HW)** merujuk kepada status pendaftaran kursus yang wajib diambil pelajar mengikut struktur program, dengan Gred Kursus diberi sama ada sebagai Hadir Lulus (HL) atau Hadir Gagal (HG). Kredit bagi kursus Hadir Wajib (HW) diambil kira dalam Kredit Dapat (KD) tetapi tidak diambil kira dalam Kredit Kira (KK). Pelajar yang gagal dalam kursus HW mesti menebus dan lulus kursus tersebut.

(19) **Ijazah** merujuk kepada anugerah yang diberi oleh Universiti kepada pelajar yang telah memenuhi semua keperluan bagi penganugerahan Diploma Pascasiswazah, Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran, atau yang setaraf dengannya.

(20) **Ijazah Anumerta** merujuk kepada penganugerahan ijazah kepada seorang pelajar yang meninggal dunia semasa berada dalam pengajian, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Universiti.

(21) **Ijazah Kedoktoran** merujuk kepada ijazah yang dianugerahkan kepada pelajar yang telah berjaya memenuhi semua keperluan bagi penganugerahan program **Doktor Falsafah (PhD)** atau yang setaraf dengannya.

(22) **Ijazah Sarjana** merujuk kepada ijazah yang dianugerahkan kepada pelajar yang berjaya memenuhi syarat pengijazahan bagi program Sarjana atau kelayakan setaraf.

(23) **Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU)** merujuk kepada jawatankuasa yang ditubuhkan di Universiti Teknologi Malaysia bagi menyelaras hal ehwal akademik dan peperiksaan program pascasiswazah di Universiti.

(24) **Jawatankuasa Akademik Fakulti (JKAF)** merujuk kepada jawatankuasa yang ditubuhkan di Universiti Teknologi Malaysia bagi membincang, memperaku dan meluluskan perkara berkaitan hal ehwal akademik di peringkat fakulti.

(25) **Jawatankuasa Tetap Senat Peperiksaan dan Pengijazahan (JKTS (P&P)** merujuk kepada jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat Universiti Teknologi Malaysia untuk membincang, memperaku dan meluluskan perkara berkaitan hal ehwal akademik di peringkat Universiti.

(26) **Kedudukan Baik (KB)** merujuk kepada kedudukan akademik yang baik bagi pengajian pascasiswazah yang dicapai oleh pelajar mengikut mod pengajian yang diikuti, seperti berikut; (i) Bagi pengajian Mod Kerja Kursus, Kedudukan Baik adalah apabila pelajar mendapat keputusan PNGK ≥ 3.00. (ii) Bagi pengajian Mod Campuran, Kedudukan Baik adalah apabila pelajar yang mendapat keputusan PNGK ≥ 3.00 bagi komponen kerja kursus dan 'Memuaskan' (MM) bagi komponen disertasi. (iii) Bagi pengajian Mod Penyelidikan, Kedudukan Baik adalah apabila pelajar mendapat keputusan Memuaskan (MM).

(27) **Kedudukan Bersyarat (KS)** merujuk kepada kedudukan akademik yang berisiko diberhentikan dari program pengajian jika tidak ditingkatkan prestasi oleh pelajar pascasiswazah mengikut mod pengajian yang diikuti, seperti berikut; (i) Bagi pengajian Mod Kerja Kursus, Kedudukan Bersyarat bagi pelajar adalah apabila pelajar mendapat keputusan 2.67 ≤ PNGK < 3.00; atau (ii) Bagi pengajian Mod Campuran, kedudukan bersyarat adalah apabila pelajar mendapat keputusan PNGK 2.67 ≤ PNGK < 3.00 bagi komponen kerja kursus dan/atau keputusan 'Tidak Memuaskan' (TM) bagi komponen disertasi; atau (iii) Bagi pengajian Mod Penyelidikan Kedudukan Bersyarat adalah apabila pelajar mendapat keputusan 'Tidak Memuaskan' (TM).

(28) **Kedudukan Gagal (KG)** merujuk kepada kedudukan akademik yang tidak memuaskan bagi pengajian pascasiswazah yang dicapai oleh pelajar mengikut mod pengajian yang diikuti seperti berikut; (i) Bagi pengajian Mod Kerja Kursus, Kedudukan Gagal (KG) adalah pelajar yang mendapat keputusan PNGK < 2.67. (ii) Bagi pengajian Mod Campuran, Kedudukan Gagal adalah apabila pelajar yang mendapat sama ada keputusan PNGK <2.67 bagi komponen kerja kursus; dan/atau keputusan Gagal (GG) bagi komponen penyelidikan; atau keputusan Tidak Memuaskan (TM) dua kali berturut-turut bagi komponen penyelidikan. (iii) Bagi pengajian Mod Penyelidikan, Kedudukan Gagal adalah apabila pelajar mendapat sama ada keputusan 'Gagal' (GG); atau keputusan 'Tidak Memuaskan' (TM) dua kali berturut-turut.

(29) **Kedudukan Gagal Daftar Semula (KGDS)** merujuk kepada kedudukan akademik pengajian siswazah yang dicapai oleh pelajar apabila mendapat keputusan KG pada semester pertama pengajian dan diberi peluang untuk mendaftar semula.

(30) **Kredit** merujuk kepada nilai beban bagi satu jam kredit yang bersamaan dengan jam pembelajaran atau masa pembelajaran setara bagi tempoh satu (1) semester pengajian. Satu (1) kredit adalah bersamaan dengan 40 Jam Pembelajaran Pelajar (JPP).

(31) **Kredit Bergraduat** merujuk kepada jumlah Kredit Dapat (KD) yang melayakkan pelajar bergraduat mengikut kurikulum program yang telah ditetapkan.

(32) **Kredit Dapat (KD)** merujuk kepada jumlah kredit bagi semua kursus dalam kurikulum yang didaftar oleh pelajar dan lulus, termasuk kursus pindah kredit, tetapi tidak termasuk kursus Hadir Sahaja (HS).

(33) **Kredit Kira (KK)** merujuk kepada jumlah kredit bagi semua kursus dalam kurikulum yang didaftar oleh pelajar, termasuk kursus yang memperoleh gred gagal serta kursus pindah kredit yang diambil kira dalam pengiraan **Purata Nilai Gred (PNG)** dan **Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK)**. Kredit Kira tidak termasuk kursus **Hadir Wajib (HW)** dan **Hadir Sahaja (HS)**.

(34) **Kursus** merujuk kepada mata pelajaran yang tersenarai dalam struktur kurikulum program yang mempunyai kod tersendiri.

(35) **Kursus Elektif** merujuk kepada kursus yang boleh dipilih oleh pelajar sama ada di dalam atau di luar bidang pengajian dan perlu lulus bagi tujuan pengijazahan.

(36) **Kursus Pra-Syarat** merujuk kepada kursus atau keperluan lain yang perlu diambil oleh pelajar tanpa kelayakan dalam bidang sebelum mengikuti program; atau sebelum mengikuti kursus; atau bagi tujuan pengijazahan.

(37) **Kursus Teras** merujuk kepada kursus teras disiplin yang wajib diambil dan lulus oleh pelajar dalam bidang pengajian masing-masing bagi tujuan pengijazahan.

(38) **Kursus Umum Universiti** merujuk kepada kursus yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi Malaysia yang wajib diikuti oleh setiap pelajar pascasiswazah.

(39) **Laporan Projek Sarjana** merujuk kepada satu karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah Sarjana dalam bentuk Kerja Kursus.

(40) ***Massive Open Online Course*** **(MOOC)** merujuk kepada kursus dalam talian yang disasarkan untuk penyertaan tidak terhad dan akses terbuka melalui Internet sama ada dengan atau tanpa caj yuran bagi tujuan mendapatkan sijil.

(41) ***Micro-Credential*** (MC) merujuk kepada pensijilan digital bagi pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dinilai dalam sesuatu bidang tertentu, yang boleh menjadi komponen sesuatu program yang telah diakreditasi atau kursus kendiri yang menyokong pembangunan profesional, teknikal, akademik dan peribadi pelajar.

(42) **MM** merujuk kepada gred keputusan 'Memuaskan' bagi pentaksiran komponen penyelidikan.

(43) **Mod Campuran** merujuk kepada mod pengajian yang dilaksanakan secara gabungan kerja kursus dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan disertasi. Nisbah kerja kursus kepada penyelidikan ialah antara 50:50 atau 60:40 atau 70:30.

(44) **Mod Kerja Kursus** merujuk kepada mod pengajian yang melibatkan gabungan tugasan (kerja kursus) dan/atau praktikum, dan/atau penghasilan laporan projek sarjana yang dinilai untuk pemberian gred kepada pelajar.

(45) **Mod Pengajian** merujuk kepada tiga (3) jenis pengajian yang ditawarkan di peringkat pengajian siswazah iaitu Mod Kerja Kursus, Mod Campuran dan Mod Penyelidikan.

(46) **Mod Penyelidikan** merujuk kepada mod pengajian yang dilaksanakan sepenuhnya secara penyelidikan yang membawa kepada penghasilan tesis.

(47) **Modular** merujuk kepada program pengajian siswazah yang melaksanakan pengambilan pelajar berdasarkan bilangan blok dalam satu tahun pengajian.

(48) **Panel Penyeliaan** merujuk kepada satu jawatankuasa yang dilantik oleh Fakulti atau Universiti untuk menyelia dan menilai kemajuan projek sarjana, disertasi atau tesis pelajar, dengan keahlian minimum dua (2) orang, di mana salah seorang (1) dilantik sebagai Ketua Panel Penyeliaan;

(49) **Panel Peperiksaan Lisan** merujuk kepada satu jawatankuasa yang terdiri daripada penyelia, pemeriksa dalam, pemeriksa luar dan pengerusi yang dilantik oleh Universiti Teknologi Malaysia untuk melaksanakan peperiksaan lisan program sarjana mod campuran/penyelidikan atau kedoktoran.

(50) **Pelajar** merujuk kepada individu yang telah mendaftar untuk mengikuti program pengajian pascasiswazah.

(51) **Pelajar Kanan** bermaksud pelajar yang telah melalui dan lulus sekurang-kurangnya satu semester pengajian di Universiti.

(52) **Pegawai Perubatan** bermaksud Doktor Perubatan/ Pergigian yang berdaftar dan berkhidmat di Pusat Kesihatan Universiti atau di mana-mana hospital/ klinik kerajaan atau swasta.

(53) **Pemeriksa Dalam** merujuk kepada staf akademik siswazah yang dilantik oleh fakulti atau Universiti untuk memeriksa disertasi/tesis program pengajian peringkat sarjana atau kedoktoran dan juga ahli panel peperiksaan lisan.

(54) **Pemeriksa Luar** merujuk kepada staf akademik dan pakar industri dari luar Universiti Teknologi Malaysia yang dilantik untuk memeriksa disertasi/tesis pelajar program pengajian peringkat sarjana atau kedoktoran dan juga ahli panel peperiksaan lisan.

(55) **Pemeriksa Tesis** merujuk kepada Pemeriksa Dalam atau Pemeriksa Luar yang dilantik oleh Universiti untuk memeriksa disertasi/tesis pelajar program pengajian peringkat sarjana atau kedoktoran dan juga ahli panel peperiksaan lisan.

(56) **Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh** merujuk kepada kaedah penyampaian pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan secara dalam talian. Sesuatu program pengajian dianggap sebagai program ODL jika lebih daripada 60% kursus yang ditawarkan dalam program tersebut dijalankan melalui pembelajaran terbuka dan jarak jauh. Bagi sesuatu kursus dianggap sebagai kursus ODL, sekurang-kurangnya 80% masa pembelajaran pelajar (SLT) mesti disampaikan secara dalam talian.

(57) **Pengijazahan** merujuk kepada penganugerahan atau pemberian ijazah kepada pelajar yang telah memenuhi keperluan program pengajian dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Senat Universiti Teknologi Malaysia.

(58) **Pentaksiran** merujuk kepada proses mentaksir perkembangan, kebolehan, kemajuan, keupayaan dan pencapaian pelajar secara menyeluruh berasaskan matlamat kurikulum. Pentaksiran boleh terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada pentaksiran formatif, sumatif, alternatif, autentik, kendiri, rakan sebaya dan rujukan kriteria.

(59) **Penyelia** merujuk kepada staf akademik atau industri yang dilantik oleh fakulti atau Universiti untuk menyelia projek sarjana/disertasi/tesis pelajar.

(60) **Penyelia Bersama** merujuk kepada individu yang dilantik oleh fakulti atau Universiti bersama-sama dengan Penyelia Utama untuk menyelia projek sarjana/ disertasi/ tesis pelajar. Penyelia Bersama boleh dilantik dalam kalangan staf akademik Universiti, staf akademik IPT dalam atau luar negara, staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana (PPP) Universiti yang mempunyai kepakaran berkaitan, atau individu yang mempunyai kepakaran yang diiktiraf oleh industri (penyelia industri).

(61) **Penyelia Utama** merujuk kepada Staf Akademik Siswazah yang dilantik oleh fakulti atau Universiti untuk mengetuai penyeliaan projek sarjana/disertasi/tesis pelajar.

(62) **Penyeliaan Jarak Jauh** merujuk kepada amalan menyelia projek sarjana/disertasi/tesis pelajar secara jarak jauh menggunakan alat komunikasi digital seperti persidangan video, e-mel, dan platform kolaborasi.

(63) **Peperiksaan** merujuk kepada sebarang bentuk penilaian untuk mengukur pencapaian akademik pelajar.

(64) **Peperiksaan Akhir** merujuk kepada penilaian yang dilaksanakan pada minggu peperiksaan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Senat Universiti Teknologi Malaysia.

(65) **Peperiksaan Khas** merujuk kepada peperiksaan yang layak diberikan kepada pelajar yang tidak hadir peperiksaan akhir atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti Teknologi Malaysia.

(66) **Peperiksaan Khas (Graduan)** merujuk kepada peperiksaan yang layak diberikan bagi pelajar semester akhir yang lulus dengan kedudukan Baik (KB), tetapi gagal dalam satu (1) kursus setelah menduduki peperiksaan akhir kursus tersebut tertakluk kepada kelulusan Universiti Teknologi Malaysia bagi tujuan penganugerahan ijazah.

(67) **Peperiksaan Lisan (*viva-voce*)** merujuk kepada satu bentuk pentaksiran sumatif di mana pelajar dikehendaki membentang dan mempertahankan disertasi/tesis mereka di hadapan Panel Peperiksaan Lisan. Dalam sesi ini, pelajar perlu menjelaskan penyelidikan mereka, menjawab soalan, dan menunjukkan pemahaman mendalam tentang topik yang dikaji. Sekiranya perlu, pelajar juga dikehendaki membuat pembetulan berdasarkan maklum balas daripada panel untuk memenuhi keperluan graduan.

(68) **Pindah Kredit** merujuk kepada proses pemindahan kredit akademik yang telah diperoleh oleh pelajar daripada satu program pengajian ke program pengajian lain, sama ada di institusi yang sama atau berbeza. Proses ini membolehkan kredit tersebut diiktiraf sebagai sebahagian daripada syarat kelayakan untuk memperoleh kelulusan akademik dalam program baharu yang diikuti oleh pelajar.

(69) **Pindah Kredit Horizontal** merujuk kepada pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama yang diambil oleh pelajar sama ada di Universiti Teknologi Malaysia atau di IPT lain sepanjang tempoh pengajian. Kredit kursus yang dipindahkan dikira dalam kredit bergraduat pelajar.

(70) **Pindah Kredit Vertikal** merujuk kepada pemindahan kredit dari peringkat rendah ke peringkat lebih tinggi.

(71) **Plagiat** merujuk kepada tindakan meniru atau mengambil karya, idea, tulisan, atau hasil kerja orang lain dan menyatakan sebagai milik sendiri tanpa memberikan kredit atau penghargaan yang sepatutnya kepada pencipta asal. Ini termasuk menggunakan teks, data, gambar, atau konsep tanpa izin atau tanpa mencantumkan sumbernya, dan dianggap sebagai pelanggaran etika akademik dan profesional. Plagiat boleh berlaku dalam bentuk penyalinan secara langsung, parafrasa tanpa kredit, atau penggunaan karya orang lain tanpa pengakuan yang wajar.

(72) **PRISMS** merujuk kepada Program Integrasi Ijazah Sarjana Muda-Sarjana (Bachelor and Master Degree Integration Programme) yang membolehkan pelajar menamatkan program Sarjana Muda dan Sarjana dalam tempoh lima (5) tahun pengajian.

(73) **Program Doktor Falsafah melalui Saluran Pantas *(Fast-Track)*** merujuk kepada program pengajian Doktor Falsafah yang ditawarkan kepada calon yang bergraduat Ijazah Sarjana Muda yang mempunyai PNGK 3.67 dan ke atas serta lulus penilaian kelayakan di peringkat Fakulti. Pelajar program Doktor Falsafah secara Saluran Pantas diwajibkan menjalani ujian penilaian

kelayakan *fast-track* dalam tempoh enam (6) hingga 18 bulan mulai pada tarikh daftar program.

(74) **Program Ijazah Berganda** merujuk kepada dua program pengajian dalam bidang yang berbeza, yang melibatkan kerjasama antara Universiti Teknologi Malaysia dengan institusi penganugerahan ijazah lain yang setanding atau antara dua program dalam Universiti Teknologi Malaysia, membawa kepada penganugerahan dua skrol.

(75) **Program Ijazah Bersama** merujuk kepada program pengajian yang melibatkan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia dengan institusi penganugerahan ijazah lain yang setanding dalam pembangunan dan penawaran program, membawa kepada pengijazahan dengan satu skrol yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh kedua-dua institusi.

(76) **Program Ijazah Dual** merujuk kepada dua program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama, yang dijalankan melalui kerjasama Universiti Teknologi Malaysia dengan institusi penganugerahan ijazah lain yang setanding, membawa kepada pengijazahan dengan dua skrol.

(77) **Program Kerjasama** merujuk kepada program pengajian pascasiswazah yang dilaksanakan secara kerjasama dengan institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan atau swasta, dalam atau luar negara. Ia dilaksanakan bagi memenuhi permintaan khusus sesebuah organisasi atau institusi berdasarkan memorandum perjanjian di antara kedua-dua pihak. Pelaksanaan program kerjasama akan menggunakan kurikulum program dan tenaga pengajar dari Universiti Teknologi Malaysia sepenuhnya atau rakan kerjasama sepenuhnya atau kombinasi daripada kedua-duanya. Contoh program kerjasama adalah seperti Program Khas, Ijazah Dual (*Dual Degree)*, Ijazah Berganda (*Double Degree*), Ijazah Bersama (*Joint Degree)*, Francais (*Franchise*) dan Pesisir (*Offshore*).

(78) **Program Khas** merujuk kepada program yang dilaksanakan untuk memenuhi permintaan khusus sesebuah organisasi atau institusi dengan kelulusan Universiti dan dimeterai menerusi memorandum perjanjian di antara kedua-dua pihak.

(79) **Program Mobiliti Pelajar** merujuk kepada program/ aktiviti yang melibatkan peserta dari Universiti Teknologi Malaysia ke universiti lain atau industri (*outbound*) atau peserta dari universiti lain ke UTM (*inbound*) di peringkat antarabangsa dan tempatan, secara berkredit atau tidak berkredit yang dihadiri secara fizikal dan/atau secara dalam talian.

(80) **Program Perdana** merujuk kepada program pengajian sepenuh masa yang dilaksanakan di kampus Universiti Teknologi Malaysia secara fizikal dan/atau secara dalam talian.

(81) **Program Pesisir** merujuk kepada program pengajian pascasiswazah yang dikendalikan di luar waktu pejabat pada lokasi yang ditetapkan di dalam atau luar negara.

(82) **Projek *Capstone*** merujuk kepada kerja akademik yang disusun melalui pelaksanaan beberapa projek yang berstruktur dan dihantar oleh seseorang pelajar sebagai sebahagian daripada keperluan untuk penganugerahan Ijazah melalui program pascasiswazah mod campuran.

(83) **Purata Mata Nilai Gred (PNG)** merujuk kepada jumlah mata nilai yang diperoleh bagi setiap semester dibahagikan dengan jumlah jam kredit kira yang diambil dalam semester tersebut.

(84) **Purata Mata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)** merujuk kepada jumlah mata nilai yang diperoleh bagi semua semester dibahagikan dengan jumlah keseluruhan kredit kira dari semester pertama hingga semester terkini.

(85) **Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)** merujuk kepada sebuah pusat perkhidmatan yang mengurus dan menyelaras program pengajian pascasiswazah Universiti Teknologi Malaysia.

(86) **Semester Lazim** merujuk kepada semester I dan semester II dalam tempoh yang ditetapkan oleh Senat bagi sesuatu sesi akademik. Setiap semester terdiri daripada 14 minggu pembelajaran, satu (1) minggu ulang kaji dan dua (2) minggu peperiksaan.

(87) **Semester Pendek** merujuk kepada semester III dalam tempoh yang ditetapkan oleh Senat bagi sesuatu sesi akademik. Setiap semester terdiri daripada tujuh (7) minggu perkuliahan, satu (1) minggu ulang kaji dan satu (1) minggu peperiksaan.

(88) **Senat** merujuk kepada Senat Universiti Teknologi Malaysia.

(89) **Sesi Akademik** merujuk kepada sesi akademik Universiti Teknologi Malaysia mengandungi dua (2) semester lazim dan satu (1) semester pendek.

(90) **Sijil Pascasiswazah** merujuk kepada kelayakan yang dianugerahkan kepada pelajar yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau setaraf setelah menamatkan sekurang-kurangnya 20 kredit bergraduat dengan kompetensi sekurang-kurangnya pada Tahap 7 MQF.

(91) **Staf Akademik** merujuk kepada staf yang dilantik di bawah skim perkhidmatan Pensyarah Universiti.

(92) **Staf Akademik Siswazah** merujuk kepada staf akademik yang mempunyai ijazah Kedoktoran atau sekurang-kurangnya berjawatan Profesor Madya.

(93) **Status Peperiksaan (V)** merujuk kepada tempoh yang ditetapkan sehingga diperakukan lulus oleh Senat dari pelajar menghantar tesis untuk tujuan peperiksaan sehingga keputusan peperiksaan diperakukan oleh Senat.

(94) **Tempoh Lazim Pengajian** merujuk kepada bilangan semester pengajian yang ditetapkan dalam kurikulum bagi pelajar menyelesaikan pengajian.

(95) **Tempoh Pengajian Pelajar** merujuk kepada bilangan semester pelajar berdaftar bermula dari tarikh pelajar mendaftar kursus pada semester pertama pengajian dan berstatus aktif (A) termasuk pelajar yang menangguh pengajian dan dikira semesternya sehingga kelulusan Senat.

(96) **Tesis** merujuk kepada suatu karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Mod Penyelidikan.

(97) **Tidak Memuaskan (TM)** merujuk kepada gred keputusan 'Tidak Memuaskan' bagi pentaksiran komponen penyelidikan.

(98) **Ulang Gred (UG)** merujuk kepada status mengulang kursus bukan penyelidikan yang telah lulus gred B- dan ke atas dengan kebenaran fakulti bagi tujuan memperbaiki pencapaian akademik.

(99) **Ulang Kursus (UK)** merujuk kepada status mengulang kursus yang telah gagal pada semester terdahulu.

(100) **Universiti** merujuk kepada Universiti Teknologi Malaysia.

(101) **UTM** merujuk kepada Universiti Teknologi Malaysia.

BAHAGIAN II
SYARAT DAN PERMOHONAN

Calon perlu memenuhi syarat umum kemasukan UTM dan keperluan khusus bagi program yang ingin diikuti. Syarat khusus kemasukan adalah tertakluk kepada kurikulum program yang telah diluluskan oleh Senat.

Perkara 3 Syarat Kemasukan ke Program Sarjana secara Kerja Kursus

(1) Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) dalam bidang atau bidang yang berkaitan dengan minimum PNGK 2.75 atau yang setaraf sebagaimana yang diluluskan oleh Senat Universiti ; atau

(2) Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) dalam bidang atau bidang yang berkaitan atau yang setaraf dengan minimum PNGK 2.50 tetapi tidak mencapai PNGK 2.75 boleh diterima, tertakluk kepada penilaian dalaman yang rapi; atau

(3) Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) dalam bidang atau bidang yang berkaitan atau yang setaraf dengan minimum PNGK 2.00 tetapi tidak mencapai PNGK 2.50 boleh diterima, tertakluk kepada minimum lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan dan melalui penilaian dalaman yang rapi; atau

(4) Lulus penilaian Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) Tahap 7 (T-7) dalam bidang kerja kursus/ mod campuran.

(5) Calon dengan kelayakan bukan dalam bidang yang berkaitan atau tanpa pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan perlu mengikuti kursus pra syarat yang ditentukan oleh Universiti, dan mematuhi keperluan minimum PNGK seperti yang dinyatakan dalam syarat (1) hingga (3).

Perkara 4 Syarat Kemasukan ke Program Sarjana secara Mod Campuran dan Penyelidikan

(1) Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) dalam bidang atau bidang yang berkaitan dengan minimum PNGK 2.75 atau yang setaraf sebagaimana yang diluluskan oleh Senat Universiti; atau

(2) Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) dalam bidang atau bidang yang berkaitan atau yang setaraf dengan minimum PNGK 2.50 tetapi tidak mencapai PNGK 2.75 boleh diterima, tertakluk kepada penilaian dalaman yang rapi; atau

(3) Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) dalam bidang atau bidang yang berkaitan atau yang setaraf dengan minimum PNGK 2.00 tetapi tidak mencapai PNGK 2.50 boleh diterima, tertakluk kepada minimum lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan dan melalui penilaian dalaman yang rapi; atau

(4) Lulus penilaian Pengkreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) Tahap 7 (T-7) dalam bidang berkaitan.

(5) Calon dengan kelayakan bukan dalam bidang yang berkaitan atau tanpa pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan perlu mengikuti kursus pra syarat yang ditentukan oleh Pusat Pengajian Tinggi, dan mematuhi keperluan minimum PNGK seperti yang dinyatakan dalam syarat (1) hingga (3).

Perkara 5 Syarat Kemasukan ke Ijazah Kedoktoran secara Penyelidikan

(1) Sarjana (Tahap 7 MQF) dalam bidang atau bidang yang berkaitan sebagaimana yang diluluskan oleh Senat Universiti; atau

(2) Kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengan Sarjana (Tahap 7 MQF); atau

(3) Lulus penilaian Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu APEL.A

Tahap 8 (T-8) dalam bidang penyelidikan; atau

(4) Sarjana Muda kelas pertama (minimum PNGK 3.67) dalam bidang yang berkaitan atau yang setaraf daripada program akademik yang disokong oleh fakulti melalui proses penilaian dalaman yang rapi *(fast-track)*.

(5) Pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda di UTM dan disokong oleh fakulti boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan secara terus ke Ijazah Kedoktoran secara laluan pantas *(fast-track)*.

(6) Pelajar Sarjana mod penyelidikan boleh memohon kenaikan taraf ke program pengajian di peringkat lebih tinggi jika lulus proses penilaian yang ditetapkan.

(7) Calon dengan kelayakan bukan dalam bidang yang berkaitan atau tanpa pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan perlu mengikuti kursus pra syarat yang ditentukan oleh Pusat Pengajian Tinggi.

(8) Calon yang tidak memenuhi syarat minimum bagi program yang dipohon boleh ditawarkan kemasukan ke program untuk kelayakan lebih rendah atau program lain.

Perkara 6 Syarat Kemasukan Kedoktoran secara Kerja Kursus dan Mod Campuran

(1) Sarjana (Tahap 7 MQF) dalam bidang atau bidang yang berkaitan sebagaimana yang diluluskan oleh Senat Universiti; atau

(2) Kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengan Sarjana (Tahap 7 MQF) oleh Kerajaan Malaysia; atau

(3) Lulus penilaian Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu APEL.A Tahap 8 (T-8) dalam kerja kursus/mod campuran; atau

(4) Sarjana Muda kelas pertama (minimum PNGK 3.67) dalam bidang yang berkaitan atau yang setaraf daripada program akademik yang disokong oleh fakulti melalui proses penilaian dalaman yang rapi.

(5) Calon dengan kelayakan bukan dalam bidang yang berkaitan atau tanpa pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan perlu mengikuti kursus pra syarat yang ditentukan oleh Universiti.

(6) Calon yang tidak memenuhi syarat minimum bagi program yang dipohon boleh ditawarkan kemasukan ke program untuk kelayakan lebih rendah atau program lain.

Perkara 7 Syarat Kemasukan ke Program Berasaskan Pengalaman Kerja (APEL.Q)

(1) Memenuhi tempoh minimum pengalaman kerja pada tahap yang bersesuaian dalam bidang berkaitan iaitu:

(a) Sarjana: 20 tahun
(b) Ijazah Kedoktoran: 25 tahun

(2) Melepasi saringan awal permohonan APEL.Q oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Perkara 8 Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris

(1) Calon antarabangsa yang ingin mengikuti program pascasiswazah di UTM hendaklah memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris seperti ketetapan berikut:

(a) *Malaysian University Entrance Test* (MUET) dengan skor minimum Band 4.0 dan ke atas; atau

(b) IELTS/ IELTS *Online* dengan skor minimum Band 6.0 dan ke atas; atau
(c) TOEFL iBT/TOEFL *Online* dengan skor minimum 60 dan ke atas; atau
(d) *Cambridge English Qualifications* (CEQ) B2 *First* (FCE), C1 *Advanced* (CAE), C2 *Proficiency* (CPE), atau *Linguaskill* dengan skor minimum 169 dan ke atas, atau
(e) *Pearson Test of English (PTE) Academic* dengan skor minimum 59 dan ke atas, atau
(f) *Certified Intensive English Programme Level* (CIEP *Level)* dengan mencapai *Level* 109 dan ke atas

(2) Bagi calon antarabangsa dan tempatan yang ingin mengikuti program Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) di UTM hendaklah memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris seperti ketetapan yang dinyatakan di dalam Jadual 8.1 berikut:

Jadual 8.1: Skor Kesetaraan Kompetensi Bahasa Inggeris Bagi Kemasukan Pelajar Antarabangsa

KOMPETENSI BAHASA INGGERIS	JENIS PEPERIKSAAN	MINIMUM SKOR
MUET	*Malaysian University English Test* (MUET); atau	Band 4.0 / Band 5.0 (TESL)
IELTS	*International English Language Testing System* (IELTS) / IELTS Online; atau	Band 6.0 / Band 7.0 (TESL)
TOEFL	*Test of English as a Foreign Language* (TOEFL) iBT / TOEFL Essentials (Online); atau	Skor 60 / Skor 95 (TESL)
Pearson Test of English (PTE)	*The Pearson Test of English* - PTE Academic / PTE Academic (Online); atau	Skor 59 / Skor 76 (TESL)
Cambridge English Qualifications and Tests (CEQ)	ii.B1 *Preliminary*, B2 *First* (FCE), C1 *Advanced* (CAE), C2 *Proficiency* (CPE); atau ii.***Linguaskill Online***; atau	Skor 169 / Skor 180 (TESL)
CIEP ELS	*Certified Intensive English Programme* (CIEP Level)	109

Nota:
**Hanya terhad kepada peperiksaan yang diambil di pusat peperiksaan Malaysia sahaja*

Perkara 9 Pengecualian Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris

Pengecualian syarat Bahasa Inggeris boleh diberikan kepada pelajar antarabangsa seperti berikut:

(1) Pelajar yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi/ ibunda, atau

(2) Pelajar yang menggunakan kelayakan akademik atau memperoleh ijazahnya dari institusi pengajian tinggi dari negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya, atau

(3) Pelajar penyelidikan dari negara serumpun seperti Indonesia, Brunei, dan negara lain yang menulis tesis dalam Bahasa Melayu dengan kelulusan penyelia atau fakulti, atau

(4) Pelajar penyelidikan dari negara Timur Tengah yang mendaftar program Sarjana dan Doktor Falsafah di Akademi Tamadun Islam yang menulis tesis dalam Bahasa Arab dengan kelulusan fakulti.

Perkara 10 Pengesahan Kelayakan Akademik

(1) Pengesahan setiap kelayakan akademik yang diperoleh sebelum kemasukan boleh dilaksanakan semasa proses kemasukan sebagai pelajar. Calon/ pelajar perlu membuktikan pengesahan kelayakan akademik beliau.

(2) UTM berhak menarik balik tawaran kemasukan pengajian sekiranya calon gagal mengemukakan dokumen pengesahan yang jelas dan lengkap, atau memberikan maklumat palsu.

Perkara 11 Permohonan dan Penawaran Program Pengajian

(1) Semua permohonan program pascasiswazah hendaklah dibuat secara dalam talian. Permohonan yang dihantar akan disemak dan status akan dimaklumkan menerusi emel kepada calon.

(2) Penawaran dan pelaksanaan sesuatu program pengajian bagi setiap semester adalah tertakluk kepada pengesahan penawaran program oleh fakulti.

(3) Pihak Universiti berhak menarik balik tawaran kemasukan sekiranya calon mengemukakan maklumat palsu semasa membuat permohonan atau tidak memenuhi syarat kesihatan sepertimana dinyatakan dalam surat tawaran.

BAHAGIAN III
PENDAFTARAN DAN ENROLMEN

Perkara 12 Pendaftaran Program

(1) **Pendaftaran Pelajar Baharu**

(a) Calon hendaklah mendaftar pada program pengajian yang ditawarkan pada masa yang ditetapkan dan memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran.

(b) Calon boleh memohon untuk menangguhkan pendaftaran pengajiannya selama tidak melebihi dua (2) semester bermula dari tarikh penawaran pertama tertakluk kepada kelulusan Universiti.

(c) Tempoh sah laku surat tawaran adalah satu (1) semester sahaja, manakala tempoh sah laku setiap permohonan adalah satu (1) tahun.

(d) Sekiranya calon tidak meneruskan pendaftaran pada sesi ambilan yang dinyatakan di dalam surat tawaran, calon perlu memohon surat tawaran yang baharu bagi tujuan tawaran semula ke sesi ambilan seterusnya.

(e) Calon hendaklah membayar yuran pengajian seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan pelajar) yang dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari UTM.

(f) Pelajar yang telah lengkap proses pendaftaran dan berstatus ‘Aktif’ diwajibkan untuk mendaftar kursus dalam tempoh yang ditetapkan pada setiap semester.

(2) **Status Pra-Aktif**

(a) Pelajar yang mendaftar sebelum tarikh atau bulan pendaftaran yang ditetapkan dalam surat tawaran akan diberikan status ‘Pra-Aktif’.

(b) Pelajar tidak dikenakan bayaran yuran pengajian, walau bagaimanapun dikehendaki membayar yuran perkhidmatan bagi tujuan pengeluaran kad pelajar dan bayaran perlindungan insurans.

(c) Pelajar dengan status ‘Pra-Aktif’ boleh mendaftar kursus dan perlu membayar yuran pengajian dan dikira bilangan semester tersebut apabila mendaftar pada semester lazim.

(3) **Pendaftaran kursus**

Pelajar hendaklah mendaftar kursus pada setiap semester dalam tempoh yang ditetapkan dan membayar yuran sepanjang pengajian mengikut syarat-syarat dan tarikh yang ditetapkan oleh Universiti.

(4) **Pendaftaran Semula Program**

(a) Berikut merupakan situasi yang dibenarkan untuk mendaftar semula ke program pascasiswazah:

(i) Pelajar yang mendapat Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan,

(ii) Pelajar yang mendapat Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan kerana Tamat Tempoh (TT),

(iii) Pelajar yang diberhentikan kerana tidak mendaftar kursus pada sesuatu semester.

(b) Bagi pelajar yang mendapat Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan, pelajar boleh memohon untuk dipertimbangkan mendaftar semula ke program dan penyelia yang sama dengan kelulusan daripada Universiti.

Perkara 13 Enrolmen dan Tempoh Pengajian

(1) Pelajar hendaklah menamatkan pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan seperti dalam Jadual 13.1.

Jadual 13.1: Tempoh Pengajian

PERINGKAT PENGAJIAN	TEMPOH MINIMUM	TEMPOH MAKSIMUM
*Sarjana secara Kerja Kursus	1 tahun** (2 semester lazim dan 1 semester pendek)	4 tahun (8 semester lazim)
*Sarjana secara Kerja Kursus dan Penyelidikan	1 tahun** (2 semester lazim dan 1 semester pendek)	4 tahun (8 semester lazim)
Sarjana secara Penyelidikan	2 tahun (4 semester lazim)	4 tahun (8 semester lazim)
Kedoktoran secara Kerja Kursus	3 tahun (6 semester lazim)	8 tahun (16 semester lazim)
Kedoktoran secara Kerja Kursus dan Penyelidikan	3 tahun (6 semester lazim)	8 tahun (16 semester lazim)
Kedoktoran secara penyelidikan	3 tahun (6 semester lazim)	8 tahun (16 semester lazim)
Ijazah Kedoktoran (melalui APEL.Q)***	4 semester (2 tahun)	12 semester (6 tahun)

Nota:
*Tertakluk kepada pelan pengajian yang ditawarkan.
** Mengikut Standard Sarjana dan Kedoktoran MQA 2021, tempoh minimum bagi program kerja kursus dan mod campuran (kerja kursus dan penyelidikan) adalah satu (1) tahun
***Terdiri daripada program Tahap 8 MQF secara APEL.Q. Tempoh lazim bergraduat ialah empat (4) semester (2 tahun).

(2) Pelajar program Mod Campuran dan Penyelidikan yang telah menyerahkan disertasi atau tesis untuk peperiksaan akan diberikan status Peperiksaan (V). Pelajar hendaklah mematuhi keputusan panel pemeriksa iaitu pemeriksa tesis dan Panel Peperiksaan Lisan dan berusaha untuk menyelesaikan pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan.

(3) Tempoh maksimum bagi status Peperiksaan (V) ialah tiga (3) semester atau 18 bulan. Jika pelajar gagal menyiapkan pembetulan dalam jangka masa tersebut tanpa sebarang sebab yang munasabah, pelajar boleh diperakukan Kedudukan Gagal (KG).

Perkara 14 Pertukaran Pelajar Penyelidikan dari Universiti/ Institusi Lain

(1) Pemindahan pelajar penyelidikan daripada universiti/ institusi lain ke UTM perlu mendapat surat pelepasan rasmi daripada Universiti dan penyelia terdahulu dan memenuhi syarat minimum kemasukan program ke UTM.

(2) Pelajar mestilah mendaftar dan berstatus Aktif (A) dalam tempoh minimum dua (2) semester di

UTM bagi melengkapkan pembentangan penilaian tahap pertama dan peperiksaan lain dan lulus Kursus Kaedah Penyelidikan dan Kursus Umum Universiti atau mendapat pindah kredit bagi kedua-dua kursus tersebut.

Perkara 15 Pertukaran Program, Kaedah Penyampaian dan Kaedah Pelaksanaan

(1) Universiti boleh mempertimbangkan permohonan pelajar untuk pertukaran seperti berikut:

(a) Pertukaran Program Pengajian
(b) Pertukaran Kaedah Penyampaian
(c) Pertukaran Kaedah Pelaksanaan

(2) Pelajar yang berhasrat menukar program atau kaedah pelaksanaan atau kaedah penyampaian perlu mendapat kelulusan fakulti dan kelulusan hanya diberikan sekali sahaja sepanjang pengajian kecuali dengan kelulusan khas Universiti.

(3) Pencapaian akademik pelajar tidak berada dalam Kedudukan Gagal (KG).

(4) Permohonan pertukaran program hendaklah dibuat selepas mengikuti sekurang-kurangnya satu (1) semester pengajian di UTM dan selewat-lewatnya pada semester tiga (3) bagi program Sarjana dan semester lima (5) bagi program Doktor Falsafah.

(5) Permohonan yang dikemukakan sebelum minggu cuti pertengahan semester akan diperakukan dan berkuat kuasa pada semester yang sama. Manakala, bagi permohonan yang diterima selepas minggu cuti pertengahan semester akan diperakukan dan berkuat kuasa pada semester berikutnya.

(6) Bagi permohonan yang diluluskan, tempoh pengajian dan rekod akademik pelajar bagi program atau mod pengajian atau kaedah penyampaian asal akan diambil kira dalam rekod baharu.

(7) Bagi pelajar berpenaja yang berhasrat memohon pertukaran program atau kaedah penyampaian atau bidang penyelidikan, hendaklah mengemukakan surat persetujuan daripada pihak penaja bagi urusan ini.

(8) Pelajar antarabangsa perlu mendapatkan kelulusan daripada Pejabat UTM International sebelum memohon pertukaran program/kaedah penyampaian kerana pengeluaran pas pelajar tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

(9) Sebarang permohonan pertukaran program atau kaedah penyampaian atau bidang penyelidikan/ pengkhususan akan mempunyai implikasi kepada kadar yuran pengajian pelajar.

Perkara 16 Pertukaran Status Pendaftaran daripada Sarjana Falsafah ke Doktor Falsafah *(Conversion)*

(1) Pelajar Sarjana secara penyelidikan dibenarkan memohon pertukaran ke peringkat kedoktoran ***(Conversion)*** jika telah berjaya membuktikan kecemerlangan penyelidikan dan diperakui oleh panel penilai. Permohonan perlu dibuat oleh pelajar ke fakulti semasa semester kedua dengan memenuhi perkara seperti berikut:

Pelajar mesti memperolehi minimum:

(i) PNGK 3.33 Sarjana Muda dan:

(a) Membentangkan dua (2) artikel konferens dalam prosiding dengan ISBN.

atau

(b) Menerbitkan satu (1) artikel dalam jurnal berindeks dalam SCOPUS/WOS/ERA (syarat penerbitan di ERA tertakluk kepada semester kemasukan pelajar).

atau

(ii) PNGK 3.00 – 3.32 Sarjana Muda dan:

(a) Menerbitkan satu (1) artikel dalam jurnal berindeks dalam WOS.

(2) Sebarang pertukaran status pendaftaran dari Sarjana ke Doktor Falsafah akan mempunyai implikasi kepada kadar yuran pengajian.

Perkara 17 Pendaftaran Kursus Pra-Syarat

Kursus Pra-syarat mesti diambil bagi memenuhi keperluan berikut:

(1) Syarat Kemasukan

Kursus pra-syarat tersebut mesti diambil dan lulus sebelum pelajar dibenarkan mendaftar program pengajian yang ditawarkan kepada pelajar,

atau

(2) Syarat Penganugerahan Sesuatu Ijazah

Kursus tersebut mestilah diikuti dan lulus sebelum pelajar boleh dianugerahkan ijazah,

atau

(3) Pra-syarat bagi Kursus Lain

Kursus pra-syarat ini mestilah diikuti dan lulus sebelum pelajar dibenarkan mendaftar kursus yang memerlukan pra-syarat berkenaan. Pelajar yang mengambil kursus pra-syarat akan dikenakan yuran pengajian seperti yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar).

Perkara 18 Syarat Pendaftaran Kursus

(1) Pelajar diwajibkan mendaftar kursus pada setiap semester dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti. Pelajar yang gagal berbuat demikian tanpa sebab yang munasabah akan diberhentikan. Atas sebab yang munasabah, Universiti boleh memberikan penangguhan kepada pelajar tempatan yang dikira semesternya.

(2) Pelajar yang berhutang tidak dibenarkan mendaftar kursus tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar).

(3) Pendaftaran kursus lewat daripada tempoh yang ditetapkan adalah dikenakan bayaran pendaftaran lewat, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar).

(4) Panduan Pendaftaran Kursus adalah seperti di Lampiran 1.

Perkara 19 Status Pendaftaran Kursus

(1)	Hadir Wajib (HW)	-	Status pendaftaran kursus yang ditetapkan oleh fakulti dan dinilai melalui sistem penilaian lazim.
(2)	Hadir Sahaja (HS)	-	Status pendaftaran kursus yang dinilai berdasarkan kehadiran sahaja.
(3)	Ulang Kursus (UK)	-	Status mengulang kursus yang telah gagal.
(4)	Ulang Gred (UG)	-	Status mengulang kursus yang telah lulus gred dengan kebenaran fakulti bagi tujuan memperbaiki pencapaian akademik.

Perkara 20 Pendaftaran Kursus Umum Universiti

(1) Sebagai syarat penganugerahan, pelajar dikehendaki mengambil mana-mana Kursus Umum Universiti dari senarai yang ditawarkan oleh mana-mana fakulti atau bahagian akademik Universiti.

(2) Pelajar antarabangsa digalakkan mengambil sama ada:

(a) Kursus Bahasa Melayu

atau

(b) Kursus Kebudayaan Malaysia.

(3) Pindah kredit tanpa gred boleh diberi kepada pelajar yang telah memenuhi syarat penganugerahan pada pengajian sebelumnya, sebelum diterima mendaftar program pengajian.

Perkara 21 Penarikan Status Diberhentikan kerana Tidak Daftar Kursus

(1) Pelajar boleh memohon dengan caj bayaran untuk menarik balik Status Diberhentikan (Pendaftaran Kursus) tidak melebihi dua (2) semester pada satu-satu masa, tertakluk kepada baki tempoh pengajian pelajar yang masih ada.

(2) Pelajar yang diberikan status Diberhentikan kerana tidak mendaftar kursus melebihi dua (2) semester perlu membuat permohonan masuk semula ke program pengajian siswazah yang sama atau mana-mana program pengajian siswazah di UTM. Pelajar boleh memohon pindah kredit bagi kursus yang diambil dan lulus daripada program sebelumnya. Yuran pengajian adalah tertakluk kepada yuran yang dinyatakan di dalam surat tawaran terkini.

(3) Pelajar yang memohon menarik balik status Diberhentikan (Pendaftaran Kursus) adalah dikenakan caj tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar).

Perkara 22 Pembetulan Pendaftaran Kursus

(1) Pelajar bertanggungjawab menyemak pendaftaran kursus setiap semester dan membuat pembetulan jika terdapat kesilapan dalam tempoh yang ditetapkan.

(2) Pelajar boleh menambah dan/ atau menggugurkan kursus dalam tempoh yang ditetapkan.

Perkara 23 Tarik Diri (TD) Kursus

(1) Pelajar boleh Tarik Diri (TD) mana-mana kursus yang telah didaftarkan pada semester berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan tertakluk kepada kredit minimum. Yuran pengajian yang telah dicaj pada semester berkenaan adalah kekal.

(2) Sekiranya pelajar Tarik Diri (TD) semua kursus yang telah didaftarkan, pelajar perlu memohon Tangguh Pengajian pada semester berkenaan. Yuran pengajian yang telah dicaj pada semester berkenaan adalah kekal.

Perkara 24 Yuran Pengajian

(1) Pelajar baharu hendaklah menjelaskan semua bayaran yang ditetapkan dalam surat tawaran kemasukan sebelum mendaftar sebagai pelajar Universiti untuk sesuatu program akademik. Pihak Universiti boleh menolak pendaftaran sekiranya pelajar berkenaan tidak menjelaskan semua bayaran yang ditetapkan dalam surat tawaran kemasukan.

(2) Pelajar kanan hendaklah menjelaskan semua bayaran yuran pengajian setiap semester sebelum cuti pertengahan semester berakhir atau selewat-lewatnya sebelum tarikh pendaftaran kursus.

(3) Pelajar yang tidak menjelaskan semua bayaran yuran termasuk yuran tertunggak tidak dibenarkan mendaftar kursus dan mengikuti pengajian serta boleh diberhentikan.

(4) Pihak Universiti berhak untuk mengubah kadar yuran pengajian dan lain-lain kadar bayaran yang ditetapkan dengan notis.

Perkara 25 Kehadiran

(1) Pelajar mesti hadir semua pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus berbentuk kuliah/amali termasuk kursus Hadir Wajib (HW) dan kursus Hadir Sahaja (HS). Pelajar yang kehadirannya kurang daripada 80% tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir. Rekod pendaftaran kursus berstatus Hadir Sahaja (HS) akan digugurkan jika kehadiran kurang daripada 80%.

(2) Pelajar yang mengikuti program menerusi mod pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL) adalah tidak tertakluk kepada kehadiran secara fizikal ke kelas dan peperiksaan. Bagi tujuan pemantauan, pelajar perlu mencapai sekurang-kurangnya 20% penglibatan dalam aktiviti sesuatu kursus yang ditetapkan pada pertengahan sesuatu semester. Pelajar yang tidak mencapai peratus penglibatan yang dinyatakan, boleh dicadangkan menarik diri daripada sesuatu kursus.

(3) Pada minggu ke-14, penglibatan pelajar mestilah telah mencapai sekurang-kurangnya 80%. Pelajar yang tidak memenuhi peratus penglibatan ini boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir atau penilaian sumatif yang selari dengan peperiksaan akhir.

(4) Penglibatan pelajar dikira dari aspek pelaksanaan dalam melaksanakan tugasan mingguan, membuat latihan dan mengakses bahan pembelajaran kendiri yang telah ditetapkan oleh pensyarah.

(5) Pelajar Mod Penyelidikan mesti hadir pertemuan dengan penyelia mengikut jadual perancangan yang ditetapkan sepanjang tempoh pengajian. Pelajar Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran mesti hadir pertemuan dengan penyelia sepertimana yang ditetapkan sepanjang semester yang didaftarkan projek/disertasi.

(6) Pelajar hendaklah memenuhi *Academic Residential Requirement* iaitu keberadaan secara fizikal atau bukan fizikal untuk tempoh sekurang-kurangnya satu (1) semester.

(7) Walau apapun yang dinyatakan dalam subperaturan 25 (6), dengan kelulusan fakulti, pelajar boleh dianggap telah memenuhi *Academic Residential Requirement* sekiranya telah menjalani salah satu (1) daripada perkara berikut secara fizikal atau dalam talian:

(a) Mengikuti dan lulus kursus Kaedah Penyelidikan; atau

(b) Membentang dalam Penilaian Cadangan Penyelidikan; atau

(c) Membentang dalam Penilaian Kelayakan bagi calon kemasukan secara terus (*Fast-Track*); atau

(d) Konsultasi dengan penyelia/ pensyarah; atau

(e) Penyertaan dalam aktiviti fakulti seperti mana yang ditetapkan oleh fakulti.

Perkara 26 Beban Akademik

(1) Pelajar hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya satu (1) kursus atau disertasi/ tesis pada setiap semester lazim.

(2) Pelajar program perdana dibenarkan mendaftar maksimum 20 kredit setiap semester lazim dan sepuluh (10) kredit dalam semester pendek.

(3) Bagi pelajar selain daripada program perdana, jumlah kredit pada setiap semester bergantung kepada perancangan pengajian program.

(4) Tertakluk kepada kelulusan Universiti, pelajar dalam semester akhir tempoh lazim pengajian boleh dikecualikan daripada Perkara 26 (2).

(5) Selain daripada pelajar dalam semester akhir tempoh lazim pengajian, pengecualian kepada bilangan kredit maksimum yang boleh diambil oleh pelajar hanya diberi pertimbangan kepada kes tertentu yang diperakukan oleh Universiti.

Perkara 27 Pemindahan Kredit

(1) Pemindahan kredit boleh dikategorikan seperti berikut:

(a) Pindah Kredit dengan Gred (CWG); dan
(b) Pindah Kredit tanpa Gred (CWO)

(2) Secara amnya, pindah kredit secara vertikal tidak dibenarkan dalam pengajian pascasiswazah kecuali untuk kursus-kursus PRISMS dan kursus program penyelidikan (Kursus Umum Universiti dan Kursus Kaedah Penyelidikan).

Perkara 28 Pemindahan Kredit dengan Gred (CWG)

(1) Pindah Kredit dengan Gred (CWG) bermaksud pemindahan kredit bersama-sama gred bagi kursus daripada tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) untuk calon yang masih dalam pengajian.

(2) Kursus yang diluluskan untuk pindah kredit dengan gred akan diberikan gred yang telah disetarakan mengikut Sistem Gred Universiti berserta nilai kredit kursus yang ditetapkan oleh Universiti.

(3) Kredit yang diperoleh bersama-sama dengan mata nilai bagi kursus yang diluluskan akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar. Kredit bagi kursus berkenaan akan diambil kira bagi tujuan keperluan pengijazahan.

(4) Untuk tujuan pindah kredit dengan gred, calon mestilah telah mengikuti kursus terdahulu serta mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan dalam kursus yang dipohon.

(5) Pemindahan kredit tidak terpakai secara automatik kepada kursus pra-syarat (jika ada) daripada kursus yang dipohon.

(6) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada fakulti pada semester pertama (1) pengajian dengan menggunakan prosedur yang ditetapkan oleh Universiti melainkan mendapat kelulusan khas Universiti.

(7) Kelulusan pindah kredit dengan gred adalah tertakluk kepada syarat-syarat khusus program pengajian masing-masing, keperluan kurikulum, ketetapan fakulti serta peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.

Perkara 29 Pemindahan Kredit tanpa Gred (CWO)

(1) Pindah Kredit tanpa Gred (CWO) bermaksud pemindahan kredit tanpa membawa gred terdahulu yang diperoleh bagi kursus daripada:

(a) Tahap kelayakan yang rendah iaitu pindah kredit secara vertikal daripada program Sarjana ke Kedoktoran bagi kursus Kaedah Penyelidikan dan Kursus Umum Universiti;

atau

(b) Tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) bagi calon yang:

(i) Telah tamat pengajian dengan jayanya; atau

(ii) Sedang mengikuti sesuatu pengajian tetapi telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus yang dipohon; atau

(iii) Bagi program yang setara, pindah kredit secara horizontal boleh dipertimbangkan bagi pelajar berstatus KB yang menarik diri dari pengajian. Ini tertakluk kepada tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dari tarikh menarik diri. Rekod asal pelajar dikekalkan dan bilangan semester yang boleh digunakan adalah baki daripada jumlah semester yang telah ditetapkan sebelum ini. Proses ini hanya boleh berlaku sekali sahaja dalam tempoh pengajian bagi program tersebut.

atau

(c) *Massive Open Online Courses* (MOOC) bagi program secara Mod Campuran (komponen kursus) dan Mod Kerja Kursus. Pemindahan kredit MOOC tidak dibenarkan untuk kursus laporan projek penyelidikan/ disertasi;

atau

(d) *Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Transfer* (CT APEL) kecuali bagi kursus laporan projek penyelidikan/ disertasi.

atau

(e) Pensijilan digital dan bukan digital *Micro-Credentials* (MC) yang dikumpul.

(2) Kursus yang diluluskan pemindahan kredit akan diberi status Pindah Kredit Tanpa Gred (CWO) atau Pindah Kredit APEL.C (CT APEL) tidak perlu diganti dengan kursus lain dan tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK. Kredit akan diambil kira bagi tujuan pengijazahan.

(3) Pemindahan kredit tidak terpakai secara automatik kepada kursus pra-syarat (jika ada)

daripada kursus yang dipohon.

(4) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti dalam dua (2) semester pertama pengajian.

(5) Kelulusan Pindah Kredit tanpa Gred (CWO) MOOC dan *Micro-Credentials* (MC) adalah tertakluk kepada syarat-syarat khusus program pengajian, keperluan kurikulum, ketetapan fakulti serta peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.

Perkara 30 Had Pemindahan Kredit

(1) Kebenaran untuk pemindahan kredit bagi Perkara 28 dan Perkara 29 adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) Markah atau gred atau mata nilai yang diperolehi untuk kursus berkenaan setelah disetarakan dengan Sistem Gred Universiti mestilah tidak kurang daripada markah 60.00 atau Gred B- atau mata nilai 2.67;

(b) Kursus atau gabungan kursus yang diambil terdahulu hendaklah mempunyai nilai kredit atau jam nosional yang setara atau lebih tinggi selepas proses penyetaraan dengan kursus yang ditawarkan di Universiti;

(c) Kursus yang diambil terdahulu mempunyai kesetaraan sekurang-kurangnya 80% dengan kursus yang ditawarkan di Universiti atau bagi permohonan APEL.C, pencapaian bagi setiap hasil pembelajaran kursus hendaklah sekurang-kurangnya 60%;

(d) Jumlah maksimum kredit yang boleh dipindah adalah seperti Jadual 30.1.

Jadual 30.1: Jumlah Kredit yang Boleh Dipindahkan

KATEGORI KREDIT	KETERANGAN	HAD
(i) Pindah kredit secara horizontal	(a) Pemindahan kredit dengan gred bagi pelajar yang bertukar program pengajian dalam bidang yang sama dalam Universiti. (b) Pemindahan kredit bagi pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran kali kedua dalam peringkat yang sama. (c) Pemindahan kredit bagi pelajar yang mengikuti ijazah berganda. (d) Pemindahan kredit bagi pelajar yang mengikuti Program Mobiliti adalah dibenarkan tertakluk kepada tempoh pemastautin iaitu sebanyak satu (1) semester. (e) Sedang mengikuti sesuatu pengajian tetapi telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus yang dipohon.	Tiada Had
(ii) Pindah kredit secara vertikal	(a) Pemindahan kredit daripada program Sarjana ke Kedoktoran tidak dibenarkan kecuali bagi Kursus Kaedah Penyelidikan dan Kursus Umum Universiti.	Jumlah pemindahan kredit tidak melebihi 30% daripada kredit bergraduat. Hanya kursus dengan pencapaian sekurang-kurangnya Gred B-

KATEGORI KREDIT	KETERANGAN	HAD
	(b) Pemindahan kredit melalui program PRISMS.	akan dipertimbangkan.
(iii) Pindah Kredit melalui APEL.C (CT APEL)	Pemindahan kredit tanpa gred (CWO) melalui APEL.C adalah berdasarkan pengalaman dan kemahiran terdahulu pelajar.	Had kredit di bawah APEL.C adalah maksimum 60% daripada pengalaman *non-formal* dan *informal*. Tambahan pindah kredit daripada pembelajaran formal termasuk *micro-credential*, had maksimum keseluruhan pindah kredit adalah maksimum 70%.
(iv) Pindah Kredit bagi Program Akademik Laluan *Stackable Degree*	Pindah kredit dengan gred melalui *Micro-Credentials* (MC) sebagaimana yang dinyatakan dalam *Malaysia Micro-Credential Statement.*	Pindah kredit dengan gred sehingga 100% kredit bergraduat dalam program bagi *Micro-Credentials* (MC) yang diperoleh daripada program akademik UTM yang telah diakreditasi. Pindah Kredit dengan Gred (CWO) sehingga maksimum 70% kredit bergraduat bagi *Micro-Credentials* yang diperoleh daripada program akademik yang telah diakreditasi dari universiti/ institusi lain.
(v) Pindah kredit MOOC dan *Micro-Credentials* (MC)	Pindah Kredit tanpa Gred (CWO) melalui pembelajaran dalam MOOC dan *Micro-Credentials* (MC) daripada program bukan diakreditasi.	Pindah kredit sehingga maksimum 30% daripada kredit dalam program yang diakreditasi.

(2) Kursus yang diikuti semasa Program Mobiliti boleh dipertimbangkan bagi pemindahan kredit, dengan perakuan fakulti, sama ada:

(a) Kursus tersebut menggantikan mana-mana Kursus Teras/ Elektif yang setara dalam kurikulum program. Gred dan mata nilai kursus berkenaan akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK, manakala kredit kursus tersebut akan diambil kira untuk memenuhi keperluan pengijazahan. Bagi maksud ini, kursus berkenaan hendaklah memenuhi syarat yang dinyatakan dalam Perkara 30(1); atau

(b) Kursus yang tidak setara dengan mana-mana Kursus Teras/ Elektif program akan dicatatkan dalam transkrip akademik pelajar. Gred dan mata nilai kursus berkenaan tetap diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK, tetapi kredit kursus tersebut tidak diambil kira dalam keperluan pengijazahan. Bagi maksud ini, kursus berkenaan hendaklah memenuhi syarat yang dinyatakan dalam Perkara 30(1)(a) dan (d) serta akan diberikan nilai kredit yang disetarakan berdasarkan pengiraan jam nosional Universiti.

(3) Pemindahan kredit bagi program profesional adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh badan profesional berkenaan.

(4) Kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit tidak boleh ditarik balik oleh pelajar.

Perkara 31 Penangguhan, Penggantungan dan Pemberhentian

(1) Pelajar yang menghadapi masalah kesihatan (tidak termasuk berkaitan kehamilan) boleh memohon untuk menangguh pengajian dengan mengemukakan perakuan Pegawai Perubatan yang diiktiraf oleh Universiti. Penangguhan ini tidak diambil kira dalam kiraan tempoh pengajian.

(2) Pelajar boleh memohon menangguh pengajian atas sebab kehamilan atau melahirkan seperti berikut:

(a) Pelajar yang hamil dan telah mendapat pengesahan Pegawai Perubatan;

(b) Penangguhan pengajian atas sebab kesihatan berkaitan kehamilan pelajar yang disokong perakuan Pegawai Perubatan boleh diluluskan sekurang-kurangnya satu (1) semester lazim dan tidak melebihi dua (2) semester lazim berturut-turut bagi setiap kehamilan, tertakluk kepada tempoh maksimum penangguhan yang dibenarkan oleh Universiti. Penangguhan ini adalah dikira sebagai penangguhan atas sebab kesihatan di bawah Perkara 31 (1) dan tidak diambil kira sebagai semester yang telah digunakan.

(c) Penangguhan pengajian atas sebab kesihatan selepas bersalin yang disokong perakuan Pegawai Perubatan boleh diluluskan bagi satu (1) semester lazim, tertakluk kepada tempoh maksimum penangguhan yang dibenarkan oleh Universiti. Penangguhan ini adalah dikira sebagai penangguhan atas sebab kesihatan di bawah Perkara 31 (1) dan tidak diambil kira sebagai semester yang telah digunakan.

(3) Permohonan penangguhan pengajian boleh dipertimbangkan dalam kes-kes khas yang melibatkan kepentingan negara atau akibat bencana alam dan peperangan. Permohonan perlu disertakan bersama pengesahan yang sah daripada pihak berkuasa berkaitan.

(4) Penangguhan disebabkan Perkara 31(1), 31(2) dan 31(3) tidak diambilkira dalam kiraan tempoh pengajian, walau bagaimanapun tempoh maksimum yang dibenarkan adalah hanya dua (2) tahun iaitu empat (4) semester berturut-turut. Bagi setiap permohonan penangguhan, Universiti akan meluluskan permohonan bagi tempoh dua (2) semester dan pelajar boleh memohon untuk menyambung penangguhan jika perlu tertakluk kepada maksimum empat (4) semester.

(5) Pelajar juga boleh memohon penangguhan selain daripada alasan di perkara 31(1), 31(2) dan 31(3). Penangguhan ini akan diambilkira dalam pengiraan tempoh pengajian. Pelajar tidak dibenarkan membuat penangguhan pengajian melebihi dua (2) semester berturut-turut. Pelajar yang gagal mendaftar selepas penangguhan dua (2) semester berturut-turut boleh diberhentikan.

(6) Universiti boleh memberikan tangguh pengajian secara terus tanpa permohonan (automatik) kepada pelajar tempatan yang gagal mendaftar sebarang kursus pada semester berkenaan atas justifikasi munasabah yang diberikan fakulti. Pelajar yang gagal mendaftar selepas penangguhan dua (2) semester berturut-turut boleh diberhentikan.

(7) Pelajar antarabangsa perlu mendapatkan kelulusan Pejabat UTM International sebelum menangguh pengajian kerana isu berkaitan pas pelajar tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

(8) Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan untuk pelajar oleh pihak Universiti.

(9) Penangguhan disebabkan Perkara 31 (6) dan 31 (7) ini adalah diambil kira dalam tempoh pengajian.

(10) Yuran pengajian akan dikenakan walaupun pelajar menangguhkan pengajian jika telah mendaftar kursus (rujuk Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar).

(11) Pelajar yang mengikuti sesuatu program pengajian boleh diberhentikan atau dikenakan penggantungan pengajian bagi suatu tempoh tertentu atas sebab pelanggaran peraturan Universiti. Tindakan tatatertib terhadap pelajar tersebut adalah tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Teknologi Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024.

BAHAGIAN IV
PENYELIAAN DAN PENASIHATAN PELAJAR

Perkara 32 Penyeliaan dan Penasihatan Pelajar

(1) Pelajar pascasiswazah yang mengikuti pengajian mod penyelidikan akan dibimbing oleh penyelia yang dilantik oleh Universiti atas cadangan daripada fakulti. Penyelia Bersama boleh dilantik berdasarkan cadangan penyelia dan fakulti dengan kelulusan Universiti.

(2) Pelajar pascasiswazah yang mengikuti pengajian Mod Kerja Kursus atau Mod Campuran akan mendapat bimbingan sebagaimana perincian di Jadual 32.1.

Jadual 32.1: Perincian Penasihat Pelajar Mengikut Mod Pengajian

Bil.	Mod Pengajian	Kategori Kursus	Penasihat Pelajar
1.	Kerja Kursus	Kuliah	Ketua Jabatan / Pengarah / Penyelaras Program
		Projek Sarjana	Penyelia yang dilantik oleh fakulti
2.	Campuran	Kuliah	Ketua Jabatan / Pengarah / Penyelaras Program
		Disertasi	Penyelia yang dilantik oleh fakulti

(3) Pelajar boleh memohon pertukaran penyelia dengan mengemukakan alasan yang munasabah. Bagi pelajar Sarjana Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran, permohonan pertukaran penyelia perlu mendapat kelulusan fakulti. Bagi pelajar Sarjana Mod Penyelidikan dan Ijazah Kedoktoran, permohonan hanya boleh diluluskan oleh Universiti dengan sokongan fakulti.

(4) Sekiranya Penyelia Bersama dilantik, Penyelia Utama mempunyai tanggungjawab yang lebih besar, manakala Penyelia Bersama pula bertanggungjawab membantu Penyelia Utama.

(5) Penyelia Utama, Ketua Panel Penyelia dan Penyelaras Program mestilah terdiri daripada Staf Akademik Siswazah yang sedang berkhidmat secara sepenuh masa di Universiti.

(6) Penyelia Bersama boleh dilantik dalam kalangan staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana (PPP) yang mempunyai Ijazah Kedoktoran atau individu yang mempunyai kepakaran berkaitan, dengan kelulusan Universiti.

(7) Kriteria pelantikan penyelia adalah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh Universiti.

(8) Tanggungjawab Penyelia dalam menjalankan penyeliaan dan penasihatan pelajar adalah tertakluk kepada garis panduan dan perincian yang ditetapkan oleh Universiti.

(9) Universiti berhak melantik atau mengganti mana-mana penyelia.

BAHAGIAN V
TESIS/ DISERTASI/ LAPORAN PROJEK

Perkara 33 Format dan Syarat Penghantaran Tesis/ Disertasi/ Laporan Projek

(1) Penulisan tesis/ disertasi/ laporan projek hendaklah mengikut garis panduan seperti yang terdapat dalam Garis Panduan Penulisan Tesis UTM edisi yang terkini.

(2) Tesis/ disertasi/ laporan projek yang diserahkan untuk tujuan peperiksaan perlu mendapat perakuan penyelia.

(3) Pelajar hendaklah menyerahkan tesis/ disertasi/ laporan projek untuk tujuan penilaian kepada fakulti/ sekolah masing-masing mengikut syarat yang ditetapkan.

(4) Tarikh akhir penyerahan tesis/ disertasi/ laporan projek untuk peperiksaan pada sesuatu semester ialah merujuk kepada Jadual Kerja Pengurusan Akademik.

(5) Universiti tidak boleh menerima tesis/ disertasi/ laporan projek yang pernah diserahkan untuk tujuan peperiksaan sama ada kepada Universiti atau institusi pengajian tinggi lain.

(6) Bagi program pengajian peringkat Sarjana Mod Penyelidikan dan program pengajian peringkat Kedoktoran:

(a) Pelajar hendaklah menyerahkan Notis Hantar Tesis/ Disertasi (NHT) yang disahkan oleh penyelia ke fakulti sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum penyerahan tesis/ disertasi untuk peperiksaan atau tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh maksimum pengajian.

(b) Memenuhi syarat penerbitan seperti berikut:

(i) Pelajar Ijazah Kedoktoran kemasukan mulai Semester I, Sesi 2016/2017 sehingga Semester II, Sesi 2020/2021 boleh mengemukakan tesis/ disertasi pada semester ke-6 untuk peperiksaan lisan (*viva-voce*) dengan syarat mengemukakan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan artikel dalam jurnal berindeks atau dua (2) artikel dalam prosiding konferens berindeks. Kedua-dua jenis penerbitan ini (sama ada artikel atau prosiding) perlu sekurang-kurangnya telah diterima atau diterbitkan dalam *Web of Science* (WOS)/SCOPUS/ERA.

(ii) Pelajar Ijazah Kedoktoran kemasukan mulai Semester I, Sesi 2021/2022 sehingga Semester II, Sesi 2025/2026 boleh mengemukakan tesis/ disertasi pada semester ke-6 untuk peperiksaan lisan (*viva-voce*) dengan syarat sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan artikel yang telah diterima atau diterbitkan dalam jurnal yang diindeks di *Web of Science* atau sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan artikel yang telah diterima atau diterbitkan dalam jurnal yang diindeks di SCOPUS/ERA/Jurnal yang disenaraikan di *Malaysian Scholarly Publishing System and Repository* (MySitasi) daripada *Malaysian Citation Centre* (MyCite).

(iii) Pelajar Ijazah Kedoktoran kemasukan mulai Semester I, Sesi 2026/2027 dan seterusnya boleh mengemukakan tesis pada semester ke-6 untuk peperiksaan lisan (*viva-voce*) dengan syarat sekurang- kurangnya satu (1) penerbitan artikel yang telah diterima atau diterbitkan dalam jurnal yang diindeks di *Web of Science* atau sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan artikel yang telah diterima atau diterbitkan dalam jurnal yang diindeks di SCOPUS/Jurnal yang disenaraikan di *Malaysian Scholarly Publishing System and Repository* (MySitasi daripada *Malaysian Citation Centre* (MyCite).

(iv) Pelajar Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan kemasukan mulai Semester I, Sesi

2016/2017 boleh mengemukakan tesis selepas 12 bulan untuk peperiksaan lisan (*viva-voce*) dengan syarat mengemukakan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan yang telah diterima atau diterbitkan sama ada artikel jurnal, kertas kerja persidangan atau bab dalam buku.

(v) Pelajar Ijazah Kedoktoran kemasukan mulai Semester I, Sesi 2021/2022 sehingga Semester II, Sesi 2025/2026 yang berjaya mengemukakan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan artikel yang telah diterima atau diterbitkan dalam jurnal yang diindeks di *Web of Science* (WOS)/SCOPUS/ERA boleh menyerahkan tesis untuk peperiksaan setelah memenuhi tempoh pengajian dua (2) tahun (4 semester) dengan kelulusan Senat.

(vi) Pelajar Ijazah Kedoktoran kemasukan mulai Semester I, Sesi 2026/2027 dan seterusnya yang berjaya mengemukakan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan artikel yang telah diterima atau diterbitkan dalam jurnal yang diindeks di *Web of Science* (WOS)/SCOPUS boleh menyerahkan tesis untuk peperiksaan setelah memenuhi tempoh pengajian dua (2) tahun (4 semester) dengan kelulusan Senat.

(vii) Pelajar juga dibenarkan mengemukakan tesis/ disertasi atau laporan setara dengannya, sekiranya telah memenuhi keperluan hasil penyelidikan seperti laporan teknikal, prototaip, pendaftaran harta intelek kecuali hak cipta, hasil komersialisasi atau yang setara, tertakluk kepada pengesahan dan kelulusan mengikut keperluan spesifik program pengajian.

(c) Pelajar hendaklah menyerahkan tesis/disertasi untuk peperiksaan sebelum atau dalam semester akhir tempoh maksimum yang dibenarkan. Hanya pelajar yang aktif berdaftar dan berada dalam Kedudukan Baik (KB) sahaja dibenarkan menyerahkan tesis/ disertasi.

(d) Pelajar yang belum mencapai semester maksimum dikehendaki mengemukakan tesis/ disertasi untuk peperiksaan dalam tempoh serahan yang ditetapkan bagi semester berkenaan. Sekiranya gagal berbuat demikian, pelajar perlu mendaftar semula pada semester berikutnya.

(e) Tesis/ disertasi/ laporan projek di peringkat Kedoktoran hendaklah tidak melebihi 300 muka surat tidak termasuk rujukan dan lampiran. Tesis/ disertasi/ laporan projek di peringkat Sarjana hendaklah tidak melebihi 200 muka surat tidak termasuk rujukan dan lampiran. Bilangan maksimum lampiran bagi tesis/ disertasi/ laporan projek Ijazah Kedoktoran dan Sarjana adalah 50 muka surat.

(f) Keputusan peperiksaan tesis/ disertasi/ laporan projek akan diperakukan oleh JKTS (P&P) dengan mengambil kira keputusan pemeriksaan tesis dan Panel Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat.

(g) Kelulusan peperiksaan Projek Sarjana adalah tertakluk kepada pelaksanaan Sistem Gred bagi Mod Kerja Kursus seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti.

(h) Pelajar Ijazah Kedoktoran atau Sarjana hendaklah menyerahkan salinan tesis/ disertasi/ laporan projek mengikut format dan bilangan salinan yang ditetapkan dalam Garis Panduan Penulisan Tesis UTM yang terkini selepas memenuhi semua syarat yang ditetapkan.

(i) Semua tesis/ disertasi/ laporan projek adalah hak milik Universiti.

(j) Pelajar program Ijazah Kedoktoran melalui APEL.Q (Tahap 8 MQF), penyerahan disertasi/tesis untuk tujuan peperiksaan lisan dibenarkan bermula pada Semester 4 (2 tahun) setelah lulus semua komponen penilaian APEL.Q dan kursus capstone yang

ditetapkan, serta memenuhi syarat penerbitan seperti berikut: (i) Sekurang-kurangnya SATU (1) artikel yang telah diterima atau diterbitkan dalam jurnal berindeks Web of Science (WoS); ATAU (ii) Sekurang-kurangnya DUA (2) artikel yang telah diterima atau diterbitkan dalam jurnal berindeks SCOPUS / MyCITE.

Perkara 34 Bahasa Dalam Tesis/ Disertasi/ Laporan Projek

(1) Tesis/ disertasi/ laporan projek boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

(2) Tesis boleh ditulis dalam Bahasa Arab bagi pelajar Akademi Tamadun Islam sahaja dengan kelulusan fakulti.

(3) Pelajar dari negara serumpun seperti Indonesia, Brunei, dan negara lain yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang telah mendapat pengecualian syarat Bahasa Inggeris tidak dibenarkan untuk menulis dalam Bahasa Inggeris.

Perkara 35 Tesis/ Disertasi Secara Penerbitan

Pelajar Ijazah Kedoktoran boleh mengemukakan tesis/ disertasi secara penerbitan untuk peperiksaan lisan (*viva-voce*) dengan syarat seperti Jadual 35.1.

Jadual 35.1: Syarat Penerbitan Artikel Jurnal Mengikut Tempoh Pengajian

Tempoh Pengajian	Syarat Artikel
> 30 Bulan	(i) Tiga (3) artikel diterima atau diterbitkan oleh jurnal yang terindeks dalam SCOPUS atau *Web of Science* (WOS). (ii) Satu (1) daripada tiga (3) artikel mestilah diterima atau diterbitkan oleh jurnal bertaraf Q1/Q2 yang diindeks dalam *Web of Science* (*Science Citation Index Expanded* (SCIE)/ *Social Sciences Citation Index* (SSCI)/ *Arts & Humanities Citation Index* (AHCI))

Perkara 36 Yuran Peperiksaan Lisan (*Viva-Voce*)

(1) Pelajar hendaklah menjelaskan yuran peperiksaan lisan (*viva-voce*) sebelum tesis/ disertasi dikemukakan untuk tujuan peperiksaan lisan.

(2) Pelajar dikehendaki menjelaskan yuran pemeriksaan semula tesis/ disertasi jika mendapat keputusan peperiksaan lisan (*viva-voce*) Gred C1 atau C2 sebelum dibenarkan menghantar tesis untuk tujuan pemeriksaan semula tesis.

(3) Kadar yuran peperiksaan lisan dan pemeriksaan semula tesis/ disertasi adalah seperti ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar).

BAHAGIAN VI
PENILAIAN

Perkara 37 Kaedah Penilaian

(1) Penilaian pelajar pascasiswazah boleh merangkumi perkara seperti berikut:

(i) Peperiksaan kursus

(ii) Penilaian laporan cadangan penyelidikan

(iii) Penilaian tesis/ disertasi/ laporan projek

(iv) Peperiksaan lisan *(viva-voce)*

(v) Peperiksaan komprehensif

(vi) Pentaksiran portfolio

(vii) Peperiksaan kelayakan

(viii) Penilaian kursus pra-syarat

(ix) Peperiksaan Khas

(x) Penilaian laporan kemajuan penyelidikan yang melibatkan penilaian setiap semester oleh penyelia

(xi) Lain-lain penilaian berkaitan yang diperlukan dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan Universiti

(2) Peperiksaan akhir boleh digunakan sebagai sebahagian daripada pentaksiran kursus bagi pelajar yang mengikuti program pengajian pascasiswazah. Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir seperti di Lampiran 6.

Perkara 38 Penilaian Kelayakan *Fast-Track*

(1) Pelajar Ijazah Kedoktoran Mod Penyelidikan secara *fast-track* perlu menjalani Penilaian Kelayakan buat pertama kali sebelum atau pada bulan ke-12 dan perlu lulus sebelum atau pada bulan ke-18 selepas tarikh mendaftar. Keputusan daripada penilaian ini akan menentukan sama ada pelajar akan meneruskan pengajian di peringkat Kedoktoran Mod Penyelidikan atau ditukarkan ke program Sarjana Mod Penyelidikan. Sekiranya ditukarkan ke program Sarjana Mod Penyelidikan, tempoh pengajian akan dikira semula sebagai tempoh pengajian baharu.

(2) Jika pelajar gagal Penilaian Kelayakan *Fast-Track* selepas dua (2) kali penilaian, pelajar akan diminta untuk menarik diri daripada pengajian Ijazah Kedoktoran Mod Penyelidikan dan diminta mendaftar ke pengajian peringkat Sarjana.

Perkara 39 Pentaksiran Akhir

(1) Pentaksiran akhir ialah pentaksiran sumatif yang dijalankan bagi menilai pencapaian hasil pembelajaran kursus pada akhir tempoh pengajaran atau pada tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

(2) Pentaksiran akhir merangkumi peperiksaan akhir, penilaian alternatif, projek, portfolio, pembentangan, amali, studio, klinikal, peperiksaan lisan (*viva-voce)*, tugasan akhir, atau mana-mana bentuk pentaksiran lain yang diluluskan, sama ada dijalankan secara bersemuka, dalam talian, hibrid atau melalui kaedah lain yang ditetapkan oleh Universiti.

Perkara 40 Peperiksaan Akhir

(1) Pelajar program konvensional yang berdaftar dan berstatus aktif wajib menduduki peperiksaan akhir bagi semua kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, tertakluk kepada pendaftaran kursus dan kehadiran sekurang-kurangnya 80%.

(2) Pelajar program ODL yang berdaftar dan berstatus aktif wajib menduduki peperiksaan akhir bagi semua kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, tertakluk kepada pendaftaran kursus dan penglibatan sekurang-kurangnya 80%.

(3) Fakulti boleh menangguhkan peperiksaan akhir bagi pelajar atas sebab kesihatan atau sebab lain yang diterima oleh Universiti.

(4) Panduan pelaksanaan peperiksaan akhir adalah seperti di dalam Lampiran 6.

Perkara 41 Peperiksaan Khas

(1) Pelajar yang mendaftar pada semester lazim dan semester pendek adalah layak untuk mengikuti Peperiksaan Khas yang diadakan bagi kes-kes berikut:

(i) Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir semester kerana disahkan sakit oleh Pegawai Perubatan;

atau

(ii) Pelajar berada pada semester akhir pengajian dan gagal satu (1) kursus pada dua (2) semester terakhir,

atau

(iii) Sebab-sebab lain yang boleh diterima oleh Universiti.

(2) Peperiksaan khas tidak boleh diadakan bagi kes-kes seperti berikut:

(i) Kursus yang tidak ada peperiksaan akhir semester

atau

(ii) Pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir tanpa sebab yang boleh diterima oleh Universiti

atau

(iii) Pelajar yang dilarang menduduki peperiksaan akhir

(3) Pelajar yang mendapat Kedudukan Bersyarat (KS) tidak layak menduduki Peperiksaan Khas (Graduan).

(4) Pelajar yang lulus Peperiksaan Khas (Graduan) akan diberikan markah lulus minimum (60) iaitu Gred B-.

(5) Pelajar dikehendaki mengemukakan permohonan berserta dengan bukti kepada fakulti.

Perkara 42 Penilaian Laporan Cadangan Penyelidikan

(1) Pelajar Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan dan Kedoktoran Mod Penyelidikan perlu membentangkan laporan cadangan penyelidikan untuk tujuan penilaian dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

(2) Penghantaran cadangan penyelidikan untuk penilaian hendaklah dihantar selewat-lewatnya seperti berikut:

(a) Program Sarjana Mod Penyelidikan (semester pertama pengajian)
(b) Ijazah Kedoktoran Mod Penyelidikan (semester ke-2 pengajian)

(3) Pelajar hanya dibenarkan membentangkan cadangan penyelidikan sebanyak dua (2) kali sepanjang pengajian. Jika pelajar masih mendapat gred P4/P5 pada pembentangan cadangan kali kedua, pelajar diberikan 'Kedudukan Gagal dan Diberhentikan'.

(4) Sekiranya pelajar bertukar Penyelia Utama dan skop kajian penyelidikan selepas pembentangan cadangan penyelidikan, pelajar boleh diminta untuk membuat pembentangan semula oleh fakulti.

Perkara 43 Penilaian Laporan Kemajuan

(1) Pelajar perlu mengemukakan Laporan Kemajuan kepada fakulti dalam tempoh yang ditetapkan pada setiap semester lazim.

(2) Pelajar yang tidak mengemukakan Laporan Kemajuan boleh diberi keputusan Tidak Memuaskan (TM) yang membawa kepada Kedudukan Bersyarat (KS) atau keputusan Gagal (GG) yang membawa kepada Kedudukan Gagal (KG).

(3) Pelajar yang memperoleh keputusan TM sebanyak dua (2) kali berturut-turut dalam penilaian laporan kemajuan akan membawa kepada Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan.

Perkara 44 Peperiksaan Lisan (*Viva-Voce*)

(1) Pelajar Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan/ Mod Campuran dan Pelajar Ijazah Kedoktoran perlu membentangkan tesis/ disertasi melalui Peperiksaan Lisan (*Viva-Voce*).

(2) Peperiksaan Lisan (*Viva-Voce*) akan dikendalikan oleh fakulti dengan kehadiran Panel Pemeriksa Tesis/ Disertasi yang telah dilantik oleh Universiti.

(3) Peperiksaan Lisan (*Viva-Voce*) untuk Peperiksaan Lisan tesis/ disertasi hanya dibenarkan maksimum dua (2) kali bagi setiap pelajar.

(4) Penilaian tesis/disertasi perlu dibuat mengikut kriteria yang ditetapkan bagi penganugerahan ijazah program berkaitan sebagaimana yang diluluskan oleh Senat.

(5) Prosedur peperiksaan lisan adalah tertakluk kepada garis panduan dan perincian yang ditetapkan oleh Universiti.

Perkara 45 Panel Pemeriksa Tesis/ Disertasi

(1) Pelantikan Panel Pemeriksa

(a) Panel Pemeriksa bagi tesis/ disertasi peringkat Sarjana Mod Penyelidikan dan peringkat Kedoktoran adalah dilantik oleh Universiti.

(b) Panel Pemeriksa bagi disertasi peringkat Sarjana Mod Campuran adalah dilantik oleh fakulti.

(c) Pemeriksa bagi pelajar Ijazah Kedoktoran mestilah berkelayakan minimum Ijazah Kedoktoran. Pemeriksa bagi pelajar Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan boleh terdiri daripada staf akademik berpangkat Profesor Madya (tanpa Ijazah Kedoktoran). Manakala Pemeriksa Luar bagi pelajar Ijazah Kedoktoran mestilah terdiri daripada staf akademik yang mempunyai Ijazah Kedoktoran.

(d) Pemeriksa yang dilantik daripada pihak industri boleh dikecualikan daripada syarat kriteria (c) dengan kelulusan Universiti.

(e) Pemeriksa Tesis bagi staf dan individu yang dilantik rasmi oleh Universiti hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang (1) Pemeriksa Dalam dan dua (2) orang Pemeriksa Luar.

(f) Pemeriksa mestilah terdiri daripada bidang yang berkaitan dengan penyelidikan calon yang dinilai.

(g) Kriteria pelantikan pemeriksa adalah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh Universiti.

(h) Tanggungjawab pemeriksa dalam penilaian pelajar adalah tertakluk kepada garis panduan dan perincian yang ditetapkan oleh Universiti.

(i) Pemeriksa tesis/ disertasi mestilah bebas daripada konflik kepentingan. Mana-mana ahli panel yang mempunyai hubungan pelaporan langsung atau konflik kepentingan dengan pelajar hendaklah mengisytiharkan keadaan tersebut dan dikecualikan daripada proses penilaian tesis/ disertasi.

(j) Universiti berhak melantik atau mengganti mana-mana pemeriksa.

(2) Pemeriksa Program Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan dan Ijazah Kedoktoran

(a) Pemeriksa tesis/ disertasi/ laporan projek program Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan dan Ijazah Kedoktoran hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang (1) Pemeriksa Dalam dan sekurang-kurangnya seorang (1) Pemeriksa Luar.

(b) Pemeriksa tesis/ disertasi/ laporan projek program Ijazah Kedoktoran yang melibatkan industri hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang (1) Pemeriksa Dalam dan dua (2) orang Pemeriksa Luar, di mana salah seorang (1) adalah Pemeriksa Industri.

(3) Pemeriksa Program Ijazah Sarjana Mod Campuran

(a) Pemeriksa disertasi hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang Pemeriksa.

(b) Pelantikan Pemeriksa Luar disertasi adalah tertakluk kepada keperluan spesifikasi program mengikut bidang.

(4) Keahlian Panel Peperiksaan Lisan

Panel Peperiksaan Lisan hendaklah terdiri daripada Pengerusi, Pemeriksa Dalam dan/ atau Pemeriksa Luar. Penyelia Utama dikehendaki hadir dalam sesi peperiksaan lisan. Pengerusi JKAF boleh menentukan sama ada Pemeriksa Luar diperlukan hadir dalam Sesi Peperiksaan Lisan, berdasarkan laporan pemeriksaan tesis/ disertasi.

(5) Laporan Peperiksaan Tesis/ Disertasi/ Laporan Projek

Pemeriksa Tesis/ Disertasi/ Laporan Projek perlu menghantar Laporan Pemeriksaan Tesis/ Disertasi/ Laporan Projek ke fakulti dalam tempoh yang ditetapkan.

Perkara 46 Keputusan Penilaian Cadangan Penyelidikan

Jadual 46.1 menunjukkan kategori keputusan penilaian cadangan penyelidikan serta keterangan tindakan yang perlu diambil bagi setiap keputusan.

Jadual 46.1: Keputusan Penilaian Cadangan Penyelidikan

Keputusan	Keterangan
P1	Cadangan penyelidikan diterima
P2	Cadangan penyelidikan diterima dengan pembetulan. Pembetulan perlu disahkan oleh Penyelia dalam tempoh satu (1) bulan.
P3	Cadangan penyelidikan diterima dengan pembetulan. Pembetulan tanpa pembentangan dan perlu disahkan oleh pemeriksa dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) bulan.
P4	Cadangan penyelidikan diterima dengan pembetulan. Pembetulan perlu disahkan oleh pemeriksa dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan dan pembentangan semula.
P5	Cadangan penyelidikan ditolak. Pelajar perlu mengemukakan dan membentangkan cadangan penyelidikan baharu.

Perkara 47 Keputusan Peperiksaan Lisan *(Viva-Voce)*

(1) Kelayakan menduduki peperiksaan lisan adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Universiti.

(2) Panel Peperiksaan Lisan akan menilai laporan pemeriksa, tesis/ disertasi/ laporan projek serta prestasi calon dalam peperiksaan lisan (*viva-voce)* dan membuat saranan keputusan calon seperti berikut:

(i) Sarjana Mod Campuran/ Mod Penyelidikan

Jadual 47.1: Kategori Keputusan Peperiksaan Lisan bagi Calon Sarjana

Keputusan	Keterangan
A	Calon dianugerahkan Ijazah Sarjana
B1	Calon dianugerahkan Ijazah Sarjana setelah membuat pembetulan kecil
B2	Calon dianugerahkan Ijazah Sarjana setelah membuat pindaan dan pembetulan kepada tesis/ disertasi/ laporan projek *Capstone* seperti yang disenaraikan dalam laporan dan disahkan telah berbuat demikian oleh Pemeriksa Dalam/ Luar berkenaan
C1	Calon tidak dianugerahkan Ijazah Sarjana tetapi dibenarkan menghantar semula tesis/ disertasi/ laporan projek *Capstone* untuk pemeriksaan setelah menjalankan kajian dan penyelidikan lanjutan

Keputusan	Keterangan
	tanpa perlu menjalani peperiksaan lisan sekali lagi
C2	Calon tidak dianugerahkan Ijazah Sarjana tetapi dibenarkan menghantar semula tesis/ disertasi/ laporan projek *Capstone* untuk pemeriksaan setelah menjalankan kajian dan penyelidikan lanjutan serta perlu menjalani peperiksaan lisan sekali lagi (*re-viva*)
E	Calon tidak dianugerahkan Ijazah Sarjana.

(ii) Ijazah Kedoktoran

Jadual 47.2: Kategori Keputusan Peperiksaan Lisan bagi Calon Ijazah Kedoktoran

Keputusan	Keterangan
A	Calon dianugerahkan Ijazah Kedoktoran
B1	Calon dianugerahkan Ijazah Kedoktoran setelah membuat pembetulan kecil
B2	Calon dianugerahkan Ijazah Kedoktoran setelah membuat pindaan dan pembetulan kepada tesis/ disertasi/ laporan Projek *Capstone* seperti yang disenaraikan dalam laporan dan disahkan telah berbuat demikian oleh Pemeriksa Dalam/ Luar berkenaan
C1	Calon tidak dianugerahkan ijazah Kedoktoran tetapi dibenarkan menghantar semula tesis/ disertasi/ laporan Projek *Capstone* untuk pemeriksaan setelah menjalankan kajian dan penyelidikan lanjutan tanpa perlu menjalani peperiksaan lisan sekali lagi
C2	Calon tidak dianugerahkan Ijazah Kedoktoran tetapi dibenarkan menghantar semula tesis/ disertasi/ laporan Projek *Capstone* untuk pemeriksaan setelah menjalankan kajian dan penyelidikan lanjutan serta perlu menjalani peperiksaan lisan sekali lagi (*re-viva*)
D	Pencapaian calon tidak memuaskan untuk Ijazah Kedoktoran tetapi dicadangkan satu ijazah yang lebih rendah
E	Calon tidak dianugerahkan Ijazah Kedoktoran.

(3) Pelajar perlu membuat pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut keputusan yang diperolehi dan mengemukakan pembetulan bagi tujuan pengesahan pembetulan kepada fakulti melalui penyelia.

Perkara 48 Markah, Gred, Mata Nilai dan Taraf Pencapaian

(1) Hubungan antara markah, gred, mata nilai dan taraf pencapaian sesuatu kursus adalah seperti dalam Jadual 48.1.

Jadual 48.1: Hubungan antara Markah, Gred, Mata Nilai dan Taraf Pencapaian

Markah	Gred	Mata Nilai	Taraf Pencapaian
90-100	A+	4.00	Lulus dengan Cemerlang
80-89	A	4.00	
75-79	A-	3.67	
70-74	B+	3.33	Lulus dengan baik
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.67	Lulus
55-59	C+	2.33	Gagal
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.67	
40-44	D+	1.33	
35-39	D	1.00	
30-34	D-	0.67	
00-29	E	0.0	

(2) Universiti akan memuat naik gred bagi setiap kursus secara dalam talian dalam tempoh yang ditetapkan.

(3) Pelajar hendaklah menyemak gred kursus yang diperoleh.

Perkara 49 Gred-Gred Lain

Selain daripada gred dalam jadual 48.1, gred kursus berikut juga digunakan:

(1) HL/HG - Hadir Lulus/ Hadir Gagal untuk kursus berstatus HW.

(2) Bagi kursus Hadir Sahaja (HS), rekod pendaftaran kursus akan hanya dicatat di dalam transkrip pelajar berkenaan sekiranya kehadiran melebihi 80%.

(3) TD - Tarik Diri Kursus

(4) MM/ TM/ GG - Memuaskan (MM)/ Tidak Memuaskan (TM)/ Gagal (GG) untuk kursus penyelidikan. Gred dikategorikan berdasarkan markah yang diberikan oleh penyelia dalam penilaian laporan kemajuan pelajar seperti Jadual 49.1 berikut:

Jadual 49.1: Kategori Gred dan Julat Markah Penilaian Akademik

Gred	Keterangan Mengikut Kategori	Julat Markah
Memuaskan (MM)	Cemerlang	$9.0 \leq M \leq 10.0$
	Sangat Baik	$8.0 \leq M < 9.0$
		$7.0 \leq M < 8.0$
	Baik	$6.0 \leq M < 7.0$
		$5.0 \leq M < 6.0$

Gred	Keterangan Mengikut Kategori	Julat Markah
Tidak Memuaskan	Sederhana	4.0 ≤ M < 5.0
		3.0 ≤ M < 4.0
Gagal	Lemah	2.0 ≤ M < 3.0
		1.0 ≤ M < 2.0
		0.0 ≤ M < 1.0

Perkara 50 Status Kursus Tidak Selesai (TS)

(1) Status Tidak Selesai (TS) diberi kepada kursus yang tidak dapat diselesaikan oleh pelajar dalam penilaian akhir atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti.

(2) Pelajar yang mendapat status TS bagi sesuatu kursus adalah dikehendaki menduduki Penilaian Khas dalam tempoh yang ditetapkan.

(3) Pelajar Mod Penyelidikan dan Mod Campuran yang berada pada semester akhir pengajian diberi status TS sehingga tarikh akhir tempoh menghantar tesis/ disertasi/ laporan Projek *Capstone*. Status TS akan ditukarkan kepada status Peperiksaan (V) setelah pelajar menghantar tesis/ disertasi/ laporan Projek *Capstone*. Jika pelajar masih tidak menghantar tesis selepas tempoh tersebut, status TS perlu diubah kepada status Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan.

Perkara 51 Kedudukan Akademik

(1) Kedudukan akademik pelajar ditentukan mengikut jenis pengajian:

(i) Kerja Kursus - menggunakan PNGK;

(ii) Campuran - menggunakan PNGK dan gred penyelidikan;

(iii) Penyelidikan - menggunakan gred penyelidikan.

(2) Pencapaian pelajar dinilai dengan menggunakan dua (2) ukuran iaitu Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) seperti berikut:

$$\textbf{PNG} = \frac{\text{Jumlah Mata Nilai Sesuatu Semester}}{\text{Jumlah Kredit Kira Sesuatu Semester}}$$

dan

$$\textbf{PNGK} = \frac{\text{Jumlah Mata Nilai Semua Semester}}{\text{Jumlah Kredit Kira Semua Semester}}$$

(3) Kedudukan akademik pengajian Mod Penyelidikan ditentukan pada akhir setiap semester lazim menggunakan gred penyelidikan seperti dalam Jadual 51.1.

Jadual 51.1: Kedudukan Akademik bagi Pengajian Pascasiswazah Mod Penyelidikan

Kedudukan Akademik	Gred Penyelidikan	Syarat Meneruskan Pengajian	Pengurniaan Ijazah
Kedudukan Baik (KB)	Memuaskan (MM)	Layak	Layak
Kedudukan Bersyarat (KS)	Tidak Memuaskan (TM)	Layak	Tidak layak
Kedudukan Gagal (KG)	Gagal (GG)	Diberhentikan	Tidak layak

(4) Kedudukan akademik pengajian Mod Campuran ditentukan pada akhir setiap semester lazim menggunakan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dan gred penyelidikan seperti dalam Jadual 51.2.

Jadual 51.2: Kedudukan Akademik bagi Pengajian Pascasiswazah Mod Campuran

Kedudukan Akademik	Kerja Kursus (PNGK)	Gred Penyelidikan	Syarat Meneruskan Pengajian	Pengurniaan Ijazah
Kedudukan Baik (KB)	PNGK ≥ 3.00	Memuaskan (MM)	Layak	Layak
Kedudukan Bersyarat (KS)	PNGK ≥ 3.00	Tidak Memuaskan (TM)	Layak	Tidak layak
Kedudukan Gagal (KG)	PNGK ≥ 3.00	Gagal (GG)	Diberhentikan	Tidak layak
Kedudukan Bersyarat (KS)	2.67 ≤ PNGK < 3.00	Memuaskan (MM)	Layak	Tidak layak
Kedudukan Bersyarat (KS)	2.67 ≤ PNGK < 3.00	Tidak Memuaskan (TM)	Layak	Tidak layak
Kedudukan Gagal (KG)	2.67 ≤ PNGK < 3.00	Gagal (GG)	Diberhentikan	Tidak layak
Kedudukan Gagal (KG)	PNGK < 2.67	Memuaskan (MM)/ Tidak Memuaskan (TM)/ Gagal (GG)	Diberhentikan	Tidak layak

(5) Kedudukan akademik pengajian jenis Kerja Kursus ditentukan pada akhir setiap semester menggunakan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) seperti dalam Jadual 51.3.

Jadual 51.3: Kedudukan Akademik bagi Pengajian Pascasiswazah Mod Kerja Kursus

Kedudukan Akademik	PNGK	Syarat Meneruskan Pengajian	Pengurniaan Ijazah
Kedudukan Baik (KB)	PNGK ≥ 3.00	Layak	Layak
Kedudukan Bersyarat (KS)	2.67 ≤ PNGK < 3.00	Layak	Tidak layak
Kedudukan Gagal (KG)	PNGK < 2.67	Diberhentikan	Tidak layak

(6) Pelajar Mod Penyelidikan/ Campuran yang sedang membuat penyelidikan dan mendapat Kedudukan Bersyarat (KS) sebanyak dua (2) kali berturut-turut akan diberhentikan.

(7) Pelajar Mod Kerja Kursus berkedudukan KS perlu mencapai KB sebelum tamat tempoh maksimum pengajian untuk layak dianugerah ijazah.

Perkara 52 Ulang Kursus (UK)

(1) Pelajar Mod Kerja Kursus dibenarkan mengulang kursus yang lulus dengan gred B- untuk membaiki gred dengan kelulusan fakulti. Kursus yang diulang mestilah didaftarkan dengan status Ulang Gred (UG). Gred yang terbaik akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

(2) Pelajar perlu menebus kursus teras atau wajib yang gagal untuk tujuan graduan. Kursus tersebut mesti didaftarkan dengan status Ulang Kursus (UK). Gred akan berubah sekiranya pelajar lulus dan mendapat gred yang lebih baik. Gred yang terbaik akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

(3) Pelajar boleh menebus kursus elektif yang gagal dengan kursus elektif yang lain. Kursus elektif lain yang ditebus mesti didaftarkan dengan status Ulang Kursus (UK). Gred yang terbaik akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

(4) Kadar caj Ulang Gred (UG) adalah tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar).

Perkara 53 Daftar Semula (DS)

(1) Pelajar hanya boleh Daftar Semula (DS) sekiranya status akademik pada semester satu (1) berada pada Kedudukan Gagal (KG). Pelajar hanya dibenarkan mendaftar semula (KGDS) sekali sahaja dalam program yang sama sepanjang pengajian.

(2) Pelajar yang diberikan status Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan kerana melampaui tempoh maksimum pengajian (Tamat Tempoh) dan mendapat keputusan terakhirnya Kedudukan Baik (KB) boleh memohon untuk dipertimbangkan mendaftar semula ke program pengajian pascasiswazah tertakluk kepada syarat mengikuti pengajian dalam program atau bidang yang berlainan dan diselia oleh penyelia yang berlainan. Walau bagaimanapun, pelajar boleh dipertimbangkan untuk mendaftar semula ke program, bidang dan/ atau penyelia yang sama dengan kelulusan Universiti. Pelajar boleh memohon pindah kredit secara horizontal bagi kursus yang diambil dan lulus daripada program sebelumnya.

(3) Pelajar yang diberikan status Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan kerana gagal dalam peperiksaan atau atas alasan selain daripada gagal dalam peperiksaan boleh diterima masuk semula ke program pengajian pascasiswazah di UTM tertakluk kepada syarat akan mengikuti pengajian dalam program atau bidang yang berlainan dan diselia oleh penyelia yang berlainan. Walau bagaimanapun, pelajar boleh dipertimbangkan untuk mendaftar semula ke program, bidang dan/ atau penyelia yang sama dengan kelulusan Universiti. Pelajar tidak boleh memohon kredit pindah bagi kursus yang diambil dan lulus dari program sebelumnya.

BAHAGIAN VII
ADUAN DAN RAYUAN

Perkara 54 Aduan Berkaitan Penyelidikan

1. Pelajar Mod Penyelidikan dan Mod Campuran yang mempunyai aduan berkaitan kemajuan atau pelaksanaan penyelidikan hendaklah terlebih dahulu berusaha menyelesaikannya melalui perbincangan dengan Penyelia.

2. Sekiranya aduan tidak dapat diselesaikan di peringkat Penyelia, aduan boleh dirujuk secara berperingkat kepada fakulti seperti dinyatakan di dalam Lampiran 2.

3. Keputusan yang diambil kira ialah keputusan yang didapati setelah semakan semula dilakukan.

Perkara 55 Rayuan Keputusan Penilaian

(1) Rayuan Penilaian Penyelidikan

(a) Pelajar dibenarkan membuat rayuan kepada fakulti terhadap sebarang keputusan penilaian penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan.

(b) Sekiranya rayuan tidak dapat diselesaikan di peringkat Penyelia, rayuan boleh dirujuk secara berperingkat kepada fakulti seperti dinyatakan di dalam Lampiran 2 dan Lampiran 3.

(c) Keputusan yang diambil kira ialah keputusan yang didapati setelah semakan atau penandaan semula dilakukan.

(2) Rayuan Keputusan Pemeriksaan Tesis/ Disertasi/ Laporan Projek, Peperiksaan Lisan dan Pengesahan Pembetulan

(a) Pelajar Mod Penyelidikan dan Mod Campuran boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan pemeriksaan tesis/ disertasi/ laporan projek, peperiksaan lisan (*viva-voce*) atau pengesahan pembetulan tesis/ disertasi, berdasarkan alasan yang munasabah dan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

(b) Bagi pelajar yang telah membuat pembetulan tesis/ disertasi/ laporan projek sebanyak tiga (3) kali tetapi masih tidak mendapat pengesahan pemeriksa, rayuan boleh dikemukakan berdasarkan bukti bahawa pembetulan yang ditetapkan dalam peperiksaan lisan telah dilaksanakan.

(c) Perincian mengenai kelayakan, alasan dan tatacara rayuan adalah seperti di Lampiran 3

(3) Rayuan Keputusan Penilaian Kursus

(a) Pelajar boleh menyemak skrip jawapan secara langsung dengan pensyarah kursus sekiranya berpendapat ada kesilapan atau tidak berpuas hati dengan gred yang diperolehi dalam tempoh rayuan yang ditetapkan oleh Universiti.

(b) Pensyarah kursus boleh membuat pembetulan gred selepas perbincangan sekiranya perlu, mengikut tempoh rayuan keputusan.

(c) Jika pensyarah kursus tidak bersetuju untuk membuat pembetulan gred, pelajar boleh mengemukakan rayuan keputusan gred kursus seperti dinyatakan di Lampiran 4.

(d) Pelajar boleh membuat rayuan keputusan gred kursus bagi mana-mana kursus untuk disemak skrip jawapan peperiksaan dan ditanda semula oleh fakulti dalam tempoh rayuan dan dengan bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.

(e) Pelajar tidak boleh membuat rayuan keputusan gred kursus tanpa terlebih dahulu berbincang dengan pensyarah kursus seperti di Perkara 55 (3)(a).

(f) Perincian rayuan keputusan gred kursus adalah seperti di Lampiran 4.

(g) Markah yang diambil kira ialah markah yang didapati setelah semakan atau penandaan semula dilakukan.

(4) Rayuan Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan

(a) Pelajar boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan Kedudukan Gagal (KG) atau Diberhentikan, kecuali pelajar yang berstatus Kedudukan Gagal Daftar Semula (KGDS), Kedudukan Bersyarat (KS) dua (2) kali berturut-turut atau mempunyai PNGK di bawah 2.67.

(b) Pelajar hendaklah terlebih dahulu mengadakan rundingan dengan Penyelaras Program dan/atau Dekan Fakulti sebelum mengemukakan rayuan.

(c) Perincian kelayakan dan tatacara rayuan keputusan Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan adalah seperti di Lampiran 4.

(5) Tempoh Rayuan

(a) Sebarang rayuan hendaklah dibuat tidak lewat daripada 14 hari selepas menerima keputusan rasmi.

(b) Rayuan yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

BAHAGIAN VIII
PENGANUGERAHAN

Perkara 56 Jumlah Kredit Penganugerahan

(1) Pelajar mesti lulus semua kursus yang disyaratkan untuk sesuatu program pengajian.

(2) Jumlah kredit minimum untuk penganugerahan sesuatu ijazah/diploma/sijil pengajian pascasiswazah adalah seperti dalam Jadual 56.1.

Jadual 56.1: Kredit Minimum Untuk Penganugerahan Ijazah/ Diploma/ Sijil Pengajian Pascasiswazah

Program	Kredit Minimum Penganugerahan
Sijil Lepasan Ijazah	20
Diploma Lepasan Ijazah	30
Ijazah Sarjana (Mod Kerja Kursus)	40
Ijazah Sarjana (Mod Campuran)	40*
Ijazah Sarjana (Mod Penyelidikan)	Tiada kredit bergraduat
Ijazah Kedoktoran (Mod Kerja Kursus)	80
Ijazah Kedoktoran (Mod Campuran)	80*
Ijazah Kedoktoran (Mod Penyelidikan)	Tiada kredit bergraduat

Nota
* bagi program Mod Campuran, kredit minimum penganugerahan adalah jumlah kredit kerja kursus dan komponen penyelidikan yang diwakili oleh jumlah jam pembelajaran pelajar yang setara.

Perkara 57 Syarat Penganugerahan Ijazah/ Diploma/ Sijil Pengajian Pascasiswazah

(1) Pelajar hanya layak dianugerahkan ijazah/ diploma/ sijil pengajian pascasiswazah setelah memenuhi syarat berikut:

(a) Memperoleh jumlah Kredit Penganugerahan yang ditetapkan dalam kurikulum program berkenaan dan mendapat keputusan Kedudukan Baik (KB);

(b) Lulus dalam semua kursus yang disyaratkan dan tesis/ disertasi/ laporan Projek *Capstone* (jika diperlukan);

(c) Menghantar pengesahan maklumat graduan melalui sistem berkaitan;

(d) Telah menjelaskan segala yuran yang telah ditetapkan;

(e) Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan;

(2) Penganugerahan ijazah yang lebih rendah boleh diberikan kepada pelajar yang gagal memenuhi syarat minimum bagi penganugerahan ijazah dalam program pengajian yang sedang diikuti, sekiranya pelajar tersebut telah memenuhi syarat minimum bagi penganugerahan ijazah yang lebih rendah berkenaan, tertakluk kepada kelulusan Universiti.

(3) Tarikh lulus pelajar pengajian pascasiswazah adalah seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

(4) Pelajar yang menerima hukuman "Buang dari Universiti" akibat pelanggaran tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Teknologi Malaysia) (Tatatertib Pelajar) adalah tidak layak untuk dianugerahkan sebarang ijazah, diploma atau sijil, kecuali dengan kelulusan khas daripada Senat.

(5) Pelajar yang berhutang akan ditahan keputusan peperiksaan, surat senat, sijil dan transkrip tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar).

(6) Pelajar program Ijazah Kedoktoran APEL.Q yang telah menyempurnakan semua syarat penganugerahan dan menunjukkan pencapaian cemerlang dalam tempoh kurang daripada dua (2) tahun (4 semester) boleh dipertimbangkan untuk bergraduat lebih awal, tertakluk kepada perakuan fakulti/ Pusat APEL dan kelulusan Senat.

Perkara 58 Syarat Penganugerahan Ijazah Anumerta

Penganugerahan Ijazah Anumerta boleh dianugerahkan dengan syarat berikut:

(1) Mempunyai rekod pencapaian akademik yang baik sepanjang pengajian iaitu Kedudukan Baik (KB) bagi semua semester sebelum kematian, dan

(2) Telah menyiapkan sekurang-kurangnya 85% daripada keperluan bergraduat bagi ijazah Sarjana Mod kerja kursus, atau

(3) Telah menghantar disertasi/ tesis/ laporan Projek *Capstone* bagi tujuan pemeriksaan disertasi/ tesis/ laporan Projek *Capstone* dan mendapat keputusan sekurang-kurangnya B2 daripada salah seorang pemeriksa.

Perkara 59 Syarat Penganugerahan Ijazah Dual/ Bersama/ Berganda

Pelajar yang mengikuti program ijazah dual, ijazah bersama atau ijazah berganda hanya akan dianugerahkan ijazah masing-masing setelah berjaya memenuhi semua syarat akademik yang ditetapkan dalam kurikulum yang diluluskan bagi setiap program. Syarat-syarat ini merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, penyempurnaan jam kredit, kursus teras dan elektif, latihan industri (jika berkenaan), dan projek sarjana atau tesis/ disertasi mengikut keperluan program.

BAHAGIAN IX
SALAH LAKU AKADEMIK

Perkara 60 Plagiat

(1) Plagiat dalam konteks akademik ialah perbuatan menghasilkan karya ilmiah seperti tesis, disertasi, projek capstone, laporan projek, kertas kerja, tugasan, atau hasil kajian dengan meniru, mengambil, atau menggunakan sebahagian atau keseluruhan idea, penulisan, data, ciptaan, atau harta intelek orang lain yang telah dinyatakan dalam bentuk fizikal, digital, atau kreatif, sama ada secara langsung dengan mendakwa karya tersebut sebagai hasil kerja sendiri, atau secara tidak langsung dengan menonjolkan diri sebagai sumber asal atau pencipta karya tersebut tanpa merujuk atau mengakui sumber asal yang diambil.

(2) Plagiat termasuk, namun tidak terhad kepada, perbuatan menerbitkan karya orang lain atas nama sendiri; menjadi pengarang bersama tanpa menyumbang; menggunakan data atau hasil penyelidikan orang lain tanpa pengiktirafan; menggunakan data usaha sama untuk tujuan peribadi tanpa keizinan; menyalin atau menterjemahkan karya tanpa penghargaan; serta mengubah suai karya orang lain sehingga kelihatan sebagai karya asli sendiri.

(3) Penulisan tesis, disertasi, projek capstone, laporan projek sarjana, kertas kerja, tugasan dan hasil kajian yang dihantar bagi tujuan pentaksiran perlu disemak oleh pelajar dan pensyarah supaya peratus indeks persamaan petikan adalah bersamaan atau kurang daripada 20%.

(4) Penggunaan alat Kecerdasan Buatan Generatif (KBG) seperti *ChatGPT AI, Quillbot* dan lain-lain dalam penulisan tesis, disertasi, projek *capstone*, laporan projek sarjana, kertas kerja, tugasan dan hasil kajian yang dihantar bagi tujuan pentaksiran perlu mematuhi Garis Panduan Penggunaan Kecerdasan Buatan Generatif (KBG) dalam Pengajaran dan Pembelajaran UTM.

(5) Jika berlaku suatu kesalahan berkaitan plagiarisme dan etika penulisan, rujukan adalah di bawah Kaedah 6, Kaedah-kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Teknologi Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024.

Perkara 61 Salah Laku Pentaksiran

Pelajar dianggap melakukan salah laku pentaksiran sekiranya:

(1) Kegagalan atau menipu dalam membuktikan kehadiran secara fizikal dan bersemuka atau/dan secara dalam talian

ATAU

(2) Menggunakan maklumat palsu bagi tujuan pentaksiran

ATAU

(3) Menipu atau cuba menipu atau berkelakuan yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa pentaksiran sedang dijalankan

ATAU

(4) Memberi maklumat palsu atau menipu semasa menjawab soalan

ATAU

(5) Menggunakan bahan bantuan tanpa kebenaran panel penilai

ATAU

(6) Mengganggu atau mengelirukan proses viva dengan tingkah laku yang tidak profesional atau tidak sopan

ATAU

(7) Mengelak daripada menjawab soalan dengan sengaja atau berulang kali

ATAU

(8) Salah laku lain adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti.

Perkara 62 Salah Laku Peperiksaan

(1) Pelajar dianggap melakukan salah laku peperiksaan sekiranya:

(a) Membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain ke dalam bilik peperiksaan melainkan jika dibenarkan oleh penyelia peperiksaan;

(b) Membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain keluar dari bilik peperiksaan tanpa kebenaran penyelia peperiksaan kecuali buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain yang telah terlebih dahulu dibenarkan dibawa masuk ke dalam bilik peperiksaan di bawah perenggan (a);

(c) Menerima apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa berada di dalam bilik peperiksaan melainkan jika dibenarkan oleh penyelia peperiksaan;

(d) Menulis, atau mendapatkan orang lain untuk menulis, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas mana-mana bahagian tubuh badannya, pakaiannya atau benda lain;

(e) Berkomunikasi dengan mana-mana pelajar atau orang lain semasa sesuatu peperiksaan sedang berjalan melalui apa-apa jua cara, melainkan jika dibenarkan oleh penyelia peperiksaan; atau

(f) Menipu atau meniru, cuba untuk menipu atau cuba untuk meniru, atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau meniru, dalam sesuatu peperiksaan;

(g) Membawa, memberi, menerima atau memiliki apa-apa maklumat dalam bentuk lisan atau bukan lisan bercetak, elektronik atau apa-apa bentuk seperti buku, kamus, kertas, foto, nota, alat nota bertulis, kalkulator pengaturcara, alat komunikasi (telefon bimbit/telefon pintar, tablet, jam tangan pintar dan alat komunikasi elektronik lain) yang berkaitan dengan kursus semasa peperiksaan di dalam atau di luar dewan, kecuali di dalam atau di luar dewan yang diberi kuasa seperti Dewan Peperiksaan/ Bilik Peperiksaan

(h) Menggunakan maklumat di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan;

(i) Salah laku lain yang ditetapkan oleh Universiti.

Perkara 63 Tindakan kerana Melakukan Salah Laku Akademik

(1) Pelajar yang melakukan mana-mana salah laku akademik boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-kaedah Universiti dan Kolej Universiti (UTM) (Tatatertib Pelajar) 2024 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman tatatertib.

(2) Jenis – jenis salah laku akademik ditafsirkan di bawah Kaedah-kaedah Universiti dan Kolej Universiti (UTM) (Tatatertib Pelajar) 2024 adalah seperti berikut:

BIL	KAEDAH	PERINCIAN
1	Kaedah 4	Menghadiri kuliah, tutorial dan sebagainya
2	Kaedah 5	Sekatan ke atas penggunaan teks atau rakaman kuliah
3	Kaedah 6	Plagiarisme dan etika penulisan
4	Kaedah 7	Kehadiran bagi peperiksaan
5	Kaedah 8	Kelakuan yang berhubungan dengan peperiksaan

(3) Jika berlaku mana-mana percanggahan berkaitan mana-mana peruntukan di bawah Peraturan ini yang berkaitan dengan salah laku akademik, maka peruntukan di bawah Kaedah-kaedah Universiti dan Kolej Universiti (UTM) (Tatatertib Pelajar) 2024 adalah terpakai.

BAHAGIAN X
PENARIKAN DIRI PENGAJIAN DARI UNIVERSITI

Perkara 64 Penarikan Diri Pengajian dari Universiti

(1) Pelajar boleh memohon Tarik Diri (TD) pengajian dengan perakuan fakulti dan kelulusan Universiti.

(2) Pelajar yang telah diluluskan menarik diri daripada pengajian dan masih mempunyai tunggakan hutang kepada Universiti tidak layak memperoleh dokumen akademik, termasuk transkrip akademik dan surat pelepasan (*Release Letter*), sehingga semua tunggakan hutang dijelaskan sepenuhnya.

(3) Pelajar yang diluluskan menarik diri pengajian bertanggungjawab terhadap sebarang implikasi dan tindakan yang diambil oleh Universiti dan/atau sekiranya berkaitan.

(4) Pelajar Ijazah Kedoktoran dan Sarjana Mod Penyelidikan tidak dibenarkan untuk menarik diri daripada pengajian semasa berada dalam status Peperiksaan (V) kecuali dengan kelulusan khas Universiti.

(5) Pelajar yang telah diluluskan untuk menarik diri daripada pengajian boleh memohon untuk dipertimbangkan kemasukan semula ke mana-mana program pengajian di Universiti. Pelajar boleh memohon pindah kredit bagi kursus yang lulus daripada program sebelumnya.

BAHAGIAN XI
PELAJAR KURANG UPAYA

Perkara 65 Pelajar Kurang Upaya

(1) Takrifan

(a) Pelajar kurang upaya adalah pelajar yang mempunyai kad rasmi Orang Kurang Upaya (OKU) yang disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sepanjang tempoh pengajian pelajar.

(b) OKU boleh diklasifikasikan kepada tujuh (7) kategori utama ketidakupayaan seperti berikut; Kurang Upaya Pendengaran, Kurang Upaya Penglihatan, Kurang Upaya Fizikal, Kurang Upaya Pertuturan, Kurang Upaya Mental, Kurang Upaya Pelbagai dan masalah pembelajaran.

(2) Tempoh Pengajian

Tempoh pengajian pelajar kurang upaya adalah fleksibel. Tempoh pengajian boleh dipanjangkan mengikut keperluan pelajar selepas mendapat kelulusan JKTS (P&P).

(3) Pedagogi

Pelajar kurang upaya perlu diberikan akses kepada pembelajaran teradun atau hibrid, termasuk bahan pengajaran dan pembelajaran dalam talian serta bahan kursus alternatif.

(4) Pentaksiran

(a) Pelajar kurang upaya boleh menduduki ujian atau peperiksaan akhir atau mengambil penilaian lain, dengan syarat mereka mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan untuk kursus tersebut.

(b) Pelajar kurang upaya atau pelajar yang mengalami masalah pembelajaran boleh diberikan masa tambahan dalam menjawab soalan peperiksaan.

(5) Khidmat Sokongan

Pelajar kurang upaya perlu diberi akses kepada khidmat sokongan yang boleh membantu mereka meneruskan pengajian dengan lancar.

(6) Pengurangan Yuran Pelajaran

Pelajar kurang upaya adalah tertakluk kepada pengurangan yuran pelajaran seperti yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar).

BAHAGIAN XII
PERUNTUKAN AM, KONFLIK KEPENTINGAN DAN PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN PERATURAN

Perkara 66 Peruntukan Am

(1) Sebarang kaedah pelaksanaan selanjutnya boleh dibuat di bawah mana - mana peruntukan Peraturan Akademik ini. Semua kaedah pelaksanaan yang dibuat hendaklah dipatuhi. Walau bagaimanapun, Senat berhak untuk mengubahnya dari semasa ke semasa apabila keadaan memerlukannya.

(2) Dalam keadaan di mana berlaku sebarang percanggahan, peraturan yang terkandung dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 adalah diguna pakai.

(3) Sekiranya mana-mana pelajar atau graduan didapati memberi, mengemukakan dan menggunakan maklumat palsu semasa tempoh pengajiannya dan didapati bersalah, maka Universiti boleh melucutkan sebarang penganugerahan ijazah yang diberi berdasarkan Seksyen 61 Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.

(4) Peraturan Akademik Pengajian Pascasiswazah ini hendaklah dibaca bersama dengan Dasar, polisi, garis panduan, prosedur atau apa-apa ketetapan lain oleh Universiti dari semasa ke semasa.

(5) Semua kenaan yuran dan bayaran lain di dalam Peraturan Akademik Pengajian Pascasiswazah ini adalah tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar) yang berkuat kuasa.

Perkara 67 Perisytiharan Konflik Kepentingan

Mana-mana pelajar atau pihak yang berpotensi mempunyai konflik kepentingan hendaklah mengisytiharkan perkara tersebut kepada Universiti. Universiti berhak melaksanakan langkah-langkah yang bersesuaian bagi mengurus konflik kepentingan tersebut bagi memastikan semua urusan akademik dilaksanakan secara adil, telus, bebas dan berintegriti.

Perkara 68 Penguatkuasaan Pemakaian Peraturan

Peraturan Akademik Pengajian Pascasiswazah ini terpakai kepada semua pelajar mulai sesi akademik 2026/2027. Dengan berkuat kuasanya peraturan ini, Peraturan Akademik Pengajian Siswazah 2020 adalah dibatalkan.

BAHAGIAN XIII
LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: Panduan Pendaftaran Kursus Pengajian Pascasiswazah

(1) Semua pelajar yang telah mendaftar program pengajian pada sesuatu semester, adalah diwajibkan mendaftar tiap-tiap kursus yang diambil pada sesuatu semester. Pelajar yang belum mendaftar program tidak boleh mendaftar kursus.

(2) Pelajar hanya boleh mendaftar kursus yang ditawarkan oleh fakulti pada semester yang berkenaan tertakluk kepada syarat sebagaimana dinyatakan di (3). Kursus yang tidak ditawarkan pada sesuatu semester tidak boleh didaftarkan.

(3) Pelajar hendaklah mendaftar kursus yang telah ditetapkan oleh fakulti untuk Seksyen pelajar yang berkenaan sahaja. Pendaftaran kursus yang lain daripada yang telah ditetapkan oleh fakulti mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran fakulti.

(4) Setiap kursus yang diambil pada sesuatu semester hendaklah didaftarkan dengan betul dan sempurna iaitu dengan menyatakan kod kursus, seksyen, jumlah kredit kursus berkenaan serta status kursus tersebut seperti Ulang Kursus (UK), Hadir Wajib (HW), Hadir Sahaja (HS), atau Ulang Gred (UG).

(5) Sebarang kesilapan pendaftaran kursus boleh mengakibatkan pelajar diberi markah sifar (0) bagi kursus yang berkenaan.

(6) Sebarang kursus yang diulang oleh pelajar hendaklah didaftarkan dengan status Ulang Kursus (UK) atau Ulang Gred (UG). Termasuk dalam kategori ini ialah:

   (a) Ulang Kursus (UK) iaitu mengulang kursus yang telah gagal pada semester yang terdahulu;

   (b) Ulang Gred (UG) adalah mengulang kursus lulus (Gred B-) dengan kebenaran fakulti bagi tujuan memperbaiki pencapaian akademik. Bayaran sebanyak RM75.00 bagi setiap kredit akan dikenakan bagi tujuan ini dan tidak akan dikembalikan sekiranya pelajar gagal atau menarik diri (TD) kursus tersebut.

(7) Kursus yang diikuti kerana Daftar Semula (DS) tidak boleh didaftarkan sebagai status Ulang Kursus (UK) atau Ulang Gred (UG).

(8) Pendaftaran kursus dibuat menggunakan kaedah dalam talian melalui Portal MyUTM. Pelajar boleh merujuk kepada struktur kurikulum program dan dinasihatkan berbincang dengan Penyelaras Program atau Penyelia sebelum membuat pendaftaran kursus.

(9) Pendaftaran kursus boleh dibuat sepanjang tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

(10) Pelajar boleh memohon untuk pinda, gugur atau membatalkan mana-mana kursus, seksyen, kod atau status kursus yang telah didaftarkan pada semester yang berkenaan sepanjang tempoh yang dibenarkan oleh Universiti, dengan menggunakan kaedah dalam talian di Portal MyUTM atau borang yang berkaitan dengan pengesahan Penyelaras Program atau Penyelia.

(11) Sebarang pendaftaran kursus atau pembetulan pendaftaran kursus yang diterima oleh fakulti selepas tempoh yang ditetapkan akan dipertimbangkan dengan syarat pelajar menjelaskan bayaran denda sebanyak RM100.00 per kursus tertakluk kepada keputusan fakulti.

(12) Pelajar bertanggungjawab menyemak dan memastikan bahawa semua maklumat dalam Slip Pendaftaran Kursus adalah betul. Pelajar hendaklah membetulkan sebarang kesilapan yang terdapat dalam Slip Pendaftaran Kursus mengikut peraturan dan syarat

serta dalam tempoh-tempoh tertentu yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di (10) dan (11) di atas.

(13) Pelajar boleh memohon untuk Tarik Diri (TD) mana-mana kursus yang telah didaftarkan pada semester yang berkenaan tertakluk kepada kredit minimum. Permohonan untuk Tarik Diri (TD) kursus hendaklah dibuat mulai dari minggu keenam (Minggu 6) dan tidak lewat dari hari terakhir minggu kesembilan (Minggu 9). Selepas tarikh ini, permohonan untuk Tarik Diri Kursus (TD) akan dikenakan penalti RM100.00 per kursus.

(14) Pendaftaran Kursus hendaklah dibuat mengikut prosedur tertentu yang ditetapkan oleh Universiti. Pendaftaran yang dibuat dengan tidak mematuhi prosedur ini tidak akan diterima atau dipertimbangkan.

(15) Jika pelajar gagal atau tidak membuat Pendaftaran Kursus dalam tempoh yang telah ditetapkan sebagaimana dinyatakan di atas, kecuali atas sebab-sebab tertentu yang dapat diterima oleh Universiti ini, pelajar akan diberhentikan dari pengajian.

(16) Pelajar bertanggungjawab untuk menyemak kalendar akademik dan jadual kerja yang ditetapkan dan bertindak terhadap sebarang perubahan yang dimaklumkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 2: Panduan Mengemukakan Aduan Bagi Pelajar Pascasiswazah yang Menjalani Penyelidikan

(1) Skop

Panduan ini untuk pelajar yang mengikuti program Mod Penyelidikan atau Mod Campuran sahaja. Dua tujuan utama panduan ini ialah untuk:

(a) Menyelaras dan membantu melicinkan perkara berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan oleh pelajar dengan memberikan penerangan yang jelas akan tanggungjawab dan mekanisme untuk melaporkan sebarang masalah yang timbul;

(b) Membolehkan segala masalah diselesaikan dengan secepat mungkin melalui prosedur yang telah ditetapkan di mana perlu.

(2) Prosedur

(a) Tanggungjawab berkenaan dengan aduan yang melibatkan kemajuan penyelidikan adalah tertakluk kepada Penyelia. Dalam kes di mana aduan tidak boleh diselesaikan oleh Penyelia, maka kes tersebut perlu dirujuk kepada Dekan Fakulti di mana pelajar itu ditempatkan. Jika keputusan tidak dapat diselesaikan di peringkat ini maka aduan akan dirujuk kepada Dekan Sekolah Pengajian Siswazah. Jika perkara tersebut tidak dapat diselesaikan oleh pihak yang berkenaan maka aduan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tetap Senat (Peperiksaan & Pengijazahan).

(b) Jika pelajar tidak berpuas hati selepas mengikuti prosedur dalam perenggan (2) (a) di atas, satu panel khas akan ditubuhkan oleh Sekolah Pengajian Siswazah untuk menimbangkan aduan. Panel yang dilantik adalah terdiri daripada:

(i) Pengerusi Jawatankuasa Tetap Senat (Peperiksaan & Pengijazahan) (atau wakilnya);
(ii) Dekan Sekolah Pengajian Siswazah;
(iii) Pengerusi Jawatankuasa Akademik Fakulti
(iv) Seorang (1) penyelia yang berpengalaman yang tidak terlibat secara langsung dalam penyeliaan pelajar.

(c) Aduan rasmi perlu dibuat secara bertulis. Sekiranya aduan diterima oleh pihak fakulti maka ia perlu dirujuk kepada Penyelia yang berkenaan untuk memastikan bahawa aduan tersebut hanya dapat diketengahkan selepas diadakan perbincangan dan tertakluk kepada prosedur (2)(a) dan (2)(b) di atas.

(d) Keputusan daripada Panel Khas yang ditubuhkan oleh Sekolah Pengajian Siswazah untuk menyelesaikan aduan akan dibuat secara bertulis kepada pelajar dan semua yang terlibat dalam bahagian (2)(b).

(e) Keputusan yang dikeluarkan oleh Panel Khas Sekolah Pengajian Siswazah adalah muktamad.

LAMPIRAN 3: Panduan Rayuan Keputusan Pemeriksaan Tesis/ Disertasi dan Peperiksaan Lisan

(1) Skop

Panduan ini hendaklah digunakan oleh pelajar pengajian pascasiswazah yang berdaftar program Mod Penyelidikan dan Mod Campuran untuk mengemukakan rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh pemeriksa, iaitu keputusan:

(a) Pemeriksaan tesis atau disertasi
(b) Peperiksaan lisan
(c) Pengesahan pembetulan oleh pemeriksa

(2) Kelayakan Rayuan Keputusan Pemeriksaan Tesis/ Disertasi dan Peperiksaan Lisan

(a) Calon berhak merayu terhadap keputusan yang diambil oleh panel pemeriksa. Sesuatu rayuan terhadap keputusan pemeriksaan tesis atau disertasi dan peperiksaan lisan boleh dipertimbangkan berasaskan alasan berikut:

(i) Terdapat keadaan yang telah mengganggu pencapaian calon yang mana pemeriksa tidak mengetahui semasa peperiksaan;

(ii) Terdapat bukti yang menunjukkan percanggahan panduan dalam mengendalikan peperiksaan (termasuk pentadbiran). Keadaan ini telah menyebabkan keraguan yang mana keputusan boleh berbeza sekiranya perkara tersebut tidak berlaku;

(iii) Terdapat bukti yang menunjukkan terdapat ketidakadilan atau penilaian yang tidak betul daripada seorang atau lebih pemeriksa.

(iv) Selain daripada alasan di atas, calon tidak boleh sama sekali mempertikaikan perakuan oleh pemeriksa yang berasaskan nilai akademik.

(b) Bagi calon yang telah membuat pembetulan tesis sebanyak tiga (3) kali dan pemeriksa masih tidak memperakukan pembetulan tersebut, calon berhak merayu terhadap keputusan semakan pembetulan tersebut, berasaskan alasan berikut:

(i) Calon telah membuat semua pembetulan yang telah diputuskan dalam peperiksaan lisan dan sebagaimana tercatat dalam laporan Pengerusi Peperiksaan Lisan;

(ii) Pemeriksa tidak berpuas hati terhadap pembetulan sebagaimana yang terdapat dalam laporan Pengerusi Peperiksaan Lisan dengan merujuk kepada laporan pengerusi yang dianggap sebagai dokumen rasmi keputusan peperiksaan.

(c) Calon hendaklah mengemukakan rayuan dalam tempoh empat belas (14) hari bersama bukti bayaran selepas menerima keputusan pemeriksaan tesis atau peperiksaan lisan daripada Mesyuarat JKTS (P&P) dengan sebab yang munasabah seperti yang tercatat pada 2 (a) dan 2 (b). Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.

(d) Calon dibenarkan merayu sekali sahaja.

(3) Panduan Rayuan Pemeriksaan Tesis / Disertasi / Laporan Projek dan Peperiksaan Lisan

Panduan rayuan keputusan pemeriksaan tesis atau disertasi atau laporan projek dan peperiksaan lisan meliputi perkara berikut:

(a) Pelajar menghantar rayuan bertulis kepada fakulti. Pihak fakulti yang menerima rayuan tersebut hendaklah membawa rayuan tersebut ke mesyuarat JKAF untuk menentukan bahawa terdapat kes yang sah (prima-facie) seperti yang dinyatakan di dalam Perkara 2.

(b) JKAF perlu berbincang dan membuat keputusan sama ada:

(i) Menolak rayuan; atau

(ii) Menerima rayuan dan menubuhkan Panel Bebas bagi kes yang ada prima facie. Panel Bebas adalah terdiri daripada:

(1) Ahli Senat sebagai Pengerusi;
(2) Dekan fakulti atau wakilnya;
(3) Pengerusi peperiksaan lisan;
(4) Sekurang-kurangnya dua pemeriksa yang berpengalaman dalam mengendalikan pelajar penyelidikan yang bukan ahli dalam JKTS (P&P);
(5) Timbalan Pendaftar/ Penolong Pendaftar fakulti sebagai urus setia.

(4) Pertimbangan Panel Bebas

(a) Panel Bebas bersidang dan membuat pertimbangan dengan merujuk kepada:

(i) Keterangan bertulis pelajar;
(ii) Laporan Pengerusi Peperiksaan Lisan;
(iii) Laporan pemeriksaan tesis oleh pemeriksa luar dan dalam;
(iv) Tesis/disertasi pelajar; dan
(v) Sebarang dokumen sokongan lain.

(b) Pelajar boleh dipanggil dan menerangkan mengenai permohonan rayuan.

(c) Panel Bebas mempunyai kuasa memanggil pemeriksa, (jika perlu berbuat demikian), untuk hadir dan melaporkan secara lisan atau bertulis kepada panel.

(d) Panel Bebas akan melaporkan keputusan rayuan kepada JKTS (P&P) untuk pengesahan.

(e) JKTS (P&P) akan mendengar cadangan daripada Panel Bebas dan membuat keputusan bagi rayuan ini.

(f) Prosiding dari Panel Bebas adalah sulit dan terhad kepada ahli panel, JKAF dan JKTS (P&P) sahaja.

(g) Pelajar tidak dibenarkan sama sekali melihat laporan panel.

(5) Syor Panel Bebas

(a) Berdasarkan dokumen dan kenyataan dari pihak yang terlibat, Panel Bebas boleh mengesyorkan:

(i) Rayuan ditolak kerana tiada kes sah (prima-facie), atau:

(ii) Universiti menjemput semua pemeriksa asal supaya menimbang semula keputusan mereka mengikut peraturan dan panduan yang diluluskan, atau:

(iii) Universiti melantik pemeriksa baharu, atau:

(iv) Mana-mana keputusan yang lain yang telah dibahas dan diluluskan oleh pihak mesyuarat.

(b) Panel Bebas tidak mempunyai kuasa untuk mencadangkan perakuan oleh pemeriksa diketepikan.

(6) Makluman kepada Panel Pemeriksa

(a) Pemeriksa akan diberitahu bahawa rayuan telah dibuat oleh calon dan Panel Bebass berpendapat bahawa pemeriksa perlu dipanggil untuk mendapat penjelasan terhadap isu yang ditimbulkan oleh calon jika perlu.

(b) Pemeriksa akan diberi jaminan bahawa isu yang akan diambil perhatian oleh Panel Bebas hanya mengikut batas yang diperuntukkan oleh panduan ini untuk kajian semula keputusan peperiksaan.

(c) Pemeriksa akan diberitahu berkenaan keputusan Panel Bebas.

(7) Makluman kepada Pelajar

Pihak Sekolah Pengajian Siswazah perlu memaklumkan keputusan rayuan kepada pelajar selepas mesyuarat JKTS (P&P).

(8) Pertikaian (Alternatif kepada Panel Bebas)

Sebarang masalah yang timbul daripada pertelingkahan antara pihak yang terlibat dalam hal keputusan pemeriksaan tesis atau disertasi dan peperiksaan lisan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat pengurusan Sekolah Pengajian Siswazah atau fakulti hendaklah dirujuk dan diputuskan di peringkat JKTS (P&P).

LAMPIRAN 4: Panduan Rayuan Keputusan Akademik Mod Kerja Kursus

(1) Skop

(a) Panduan ini hendaklah digunakan oleh pelajar pengajian pascasiswazah yang berdaftar dalam program secara Mod Kerja Kursus untuk mengemukakan rayuan terhadap keputusan penilaian yang dibuat oleh pensyarah atau pemeriksa. Keputusan penilaian berkenaan memberi kesan terhadap kemajuan atau penganugerahan atau kedudukan pencapaian akademik pengajian.

(b) Panduan ini merangkumi:

(i) Rayuan Keputusan Gred Kursus
(ii) Rayuan Keputusan Kedudukan Gagal (KG) atau Diberhentikan

(2) Panduan Rayuan Keputusan Gred Kursus

(a) Sebelum keputusan diambil untuk mengemukakan rayuan keputusan gred kursus, pelajar dinasihatkan supaya membuat perbincangan terlebih dahulu dengan pensyarah kursus yang berkaitan agar isu yang berbangkit dapat diselesaikan lebih awal.

(b) Pelajar perlu mengemukakan permohonan rayuan keputusan gred kursus dalam **tempoh 14 hari selepas menerima keputusan rasmi peperiksaan**. Sebarang permohonan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.

(c) Apabila pelajar mengambil keputusan untuk mengemukakan rayuan, panduan berikut hendaklah dipatuhi:

(i) Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

(ii) Pelajar hendaklah membuat bayaran sebanyak RM50.00 untuk satu (1) kursus bagi mengemukakan rayuan keputusan gred kursus.

(iii) Pelajar hendaklah mengemukakan sendiri salinan borang rayuan kepada fakulti yang menawarkan kursus yang dirayu beserta resit bayaran rayuan.

(iv) Fakulti yang menawarkan kursus akan melantik panel bagi menyemak dan menanda semula skrip jawapan peperiksaan pelajar yang berkenaan.

(v) Fakulti yang menawarkan kursus hendaklah mengemukakan laporan/ hasil penyemakan dan penandaan semula kepada fakulti pelajar.

(vi) Berikutan dari semakan dan/ atau penandaan semula, markah yang diambil kira ialah markah yang didapati selepas semakan/penandaan semula dilakukan. Sekiranya markah selepas semakan lebih rendah dari markah asal, markah asal akan dikekalkan. Fakulti pelajar hendaklah mengemaskini rekod peperiksaan pelajar.

(vii) Fakulti pelajar hendaklah memaklumkan kepada pelajar hasil semakan dan/ atau keputusan rayuan di atas.

(viii) Keputusan semakan/ penandaan semula adalah muktamad.

(3) Panduan Rayuan Keputusan Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan

(a) Sebelum keputusan diambil untuk mengemukakan rayuan keputusan kedudukan gagal (KG) dan diberhentikan, pelajar dinasihatkan supaya membuat rundingan terlebih

dahulu dengan Penyelaras Program dan/ atau Dekan Fakulti secara tidak rasmi agar isu yang berbangkit dapat diselesaikan lebih awal.

(b) Pelajar dibenarkan membuat rayuan kepada fakulti terhadap keputusan Kedudukan Gagal (KG) dan Diberhentikan kecuali bagi pelajar seperti berikut:

(i) Kedudukan Gagal Daftar Semula (KGDS); atau
(ii) Kedudukan Bersyarat (KS) dua (2) kali berturut-turut; atau
(iii) PNGK di bawah 2.67

(c) Pelajar perlu mengemukakan permohonan rayuan keputusan Kedudukan Gagal (KG) atau Diberhentikan **dalam tempoh 14 hari selepas menerima keputusan rasmi peperiksaan** daripada Mesyuarat JKTS (P&P). Sebarang permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

(d) Apabila pelajar mengambil keputusan untuk mengemukakan rayuan, panduan berikut hendaklah dipatuhi:

(i) Pelajar hendaklah menghantar rayuan bertulis kepada fakulti, dengan memberi butir-butir keraguan, sebab dan justifikasi. Pihak fakulti yang menerima rayuan tersebut hendaklah membawa rayuan tersebut ke mesyuarat JKAF yang dipengerusi oleh Dekan.

(ii) JKAF perlu berbincang dan membuat keputusan sama ada:

(a) Menolak rayuan; atau
(b) Menerima rayuan dan membuat keputusan berdasarkan persetujuan mesyuarat, termasuk pindaan status keputusan pelajar, atau mengemukakan cadangan lain yang wajar.

(iii) JKAF hendaklah mengemukakan keputusan rayuan ke Mesyuarat JKTS (P&P) untuk kelulusan.

(4) Kedudukan dan Kesahihan Sesuatu Rayuan

(a) Pelajar yang telah mengemukakan rayuan tidak boleh dianugerahkan ijazah selagi kes rayuan tidak diselesaikan.

(b) Kes rayuan hanya diproses sekiranya dibuat oleh pelajar itu sendiri.

LAMPIRAN 5: Panduan Pelaksanaan Semester Pendek

(1) Pengenalan

(a) Semester Pendek merupakan semester pengajian yang diadakan dalam cuti panjang di akhir sesi dan ia tidak dikira dalam pengiraan tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu program.

(b) Penawaran kursus pada Semester Pendek adalah tertakluk kepada keputusan Fakulti/ Sekolah.

(2) Tempoh Pengajian

(a) Pengajian Semester Pendek bermula seminggu selepas berakhirnya Semester II dan akan dilaksanakan untuk tempoh lapan (8) hingga sepuluh (10) minggu.

(b) Tempoh semester ini merangkumi minggu perkuliahan dan peperiksaan akhir sahaja.

(c) Cuti pertengahan semester dan minggu ulang kaji tidak diperuntukkan bagi semester ini.

(3) Kursus Yang Ditawarkan

(a) Sebarang kursus boleh ditawarkan dalam Semester Pendek tertakluk kepada persetujuan fakulti. Kod Disertasi dan Tesis tidak boleh ditawarkan pada Semester Pendek.

(b) Pelajar dibenarkan mendaftar maksimum sepuluh (10) kredit.

(c) Kursus yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai atau yang mempunyai bilangan pelajar gagal yang tinggi digalakkan untuk ditawarkan pada Semester Pendek.

(d) Pelajar yang menangguh pengajian pada semester sebelum semester pendek, dibenarkan mendaftar kursus dan dikenakan caj yuran sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi Malaysia.

(4) Pendaftaran Kursus

(a) Pelajar dikehendaki mendaftar setiap kursus yang diambil pada Semester Pendek mengikut panduan sedia ada dan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

(b) Pelajar dibenarkan menarik diri daripada mengikuti kursus yang telah didaftarkan. Tarik Diri (TD) kursus hendaklah dilakukan sebelum pertengahan semester tersebut.

(c) Permohonan untuk Tarik Diri Kursus (TD) hendaklah dibuat bermula dari minggu ketiga (3) dan tidak lewat dari hari terakhir bekerja minggu keempat (4) semester. Selepas tarikh ini, permohonan untuk Tarik Diri Kursus (TD akan dikenakan penalti RM100.00 per kursus.

(d) Fakulti/Sekolah dikehendaki menentukan jumlah minimum dan/atau maksimum pelajar yang boleh mengikuti sesuatu seksyen bagi kursus yang ditawarkan.

(5) Pencapaian Akademik

(a) Keputusan peperiksaan Semester Pendek akan digabungkan dengan keputusan peperiksaan semester satu (1) sesi berikutnya bagi mengira PNG dan PNGK dan seterusnya kedudukan akademik pelajar.

(b) Prosedur pengumuman keputusan peperiksaan dan rayuan keputusan gred yang

sedia ada diguna pakai bagi Semester Pendek.

(c) Pelajar yang mendaftar Semester Pendek sebagai semester terakhir pengajiannya, keputusan pencapaian akademik akan dikeluarkan sebagaimana Semester Lazim.

(d) Pendaftaran kursus yang didaftar oleh pelajar akan terbatal dengan sendirinya sekiranya pelajar mendapat Kedudukan Gagal (KG) dalam semester lazim sebelumnya.

(6) Pembayaran Yuran

(a) Pelajar hendaklah menjelaskan semua bayaran yuran Semester Pendek yang dikenakan ke atas mereka sebelum atau semasa membuat pendaftaran kursus semester yang berkenaan. Hanya pelajar yang telah menjelaskan semua bayaran yuran yang berkenaan sahaja yang akan diterima pendaftaran kursus mereka.

(b) Pelajar yang mempunyai tunggakan hutang tidak dibenarkan mendaftar kursus.

LAMPIRAN 6: Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir

(1) Syarat Peperiksaan Akhir

(a) Semua pelajar berdaftar dan aktif dikehendaki menduduki peperiksaan akhir bagi semua kursus yang ditetapkan oleh fakulti tertakluk kepada syarat pelajar telah mendaftar kursus dan memenuhi kehadiran tidak kurang daripada 80%.

(b) Fakulti boleh menangguhkan peperiksaan untuk pelajar yang sakit atau atas sebab yang boleh diterima oleh Universiti. Pelajar dikehendaki mengemukakan sijil perubatan (disahkan oleh Pegawai Perubatan) atau sebab-sebab lain kepada Dekan fakulti tidak lewat dari 24 jam sebelum peperiksaan bermula kecuali dengan justifikasi lain yang diterima oleh Universiti.

(2) Penyeliaan Peperiksaan Akhir

(a) Penyelia Peperiksaan ialah Dekan Fakulti.

(b) Penyelia Peperiksaan bertanggungjawab untuk menentukan peperiksaan berlangsung dengan pengawasan rapi dan tertib.

(c) Penyelia Peperiksaan dikehendaki melantik Pengawas Peperiksaan (yang terdiri daripada staf akademik) dan Pembantu Pengawas Peperiksaan (yang terdiri daripada staf sokongan).

(d) Pengawas Peperiksaan dan Pembantu Pengawas Peperiksaan bertanggungjawab kepada Penyelia Peperiksaan.

(3) Pengawasan Peperiksaan Akhir

(a) Pengawas Peperiksaan dan Pembantu Pengawas Peperiksaan hendaklah bertanggungjawab untuk mengawas peperiksaan.

(b) Kecuali dengan kebenaran Penyelia Peperiksaan, sekurang-kurangnya dua (2) orang Pengawas Peperiksaan dilantik bagi sesuatu Dewan Peperiksaan. Seorang (1) daripada mereka akan dilantik sebagai Ketua Pengawas.

(c) Tanggungjawab Ketua Pengawas adalah seperti berikut:

(i) melapor diri kepada Penyelia Peperiksaan atau wakilnya di pejabat fakulti pada hari peperiksaan tidak lewat dari 30 minit sebelum peperiksaan dimulakan. Ketua Pengawas akan mendapatkan sampul surat bermetri yang mengandungi kertas soalan dan senarai nama pelajar yang mengambil peperiksaan kursus berkenaan;

(ii) mengesahkan kehadiran Pengawas dan Pembantu Pengawas;

(iii) mengarahkan Pembantu Pengawas meletakkan buku jawapan, borang kehadiran dan keperluan lain peperiksaan di atas meja pelajar dan hendaklah siap tidak lewat daripada 15 minit sebelum bermulanya peperiksaan;

(iv) mengarahkan pelajar memasuki Dewan Peperiksaan 15 minit sebelum bermulanya peperiksaan;

(v) memastikan kehadiran pelajar dicatat dan direkodkan secara teliti;

(vi) mengumumkan masa permulaan dan akhir peperiksaan. Ia hendaklah juga mengumumkan kepada pelajar apabila tinggal 15 minit sahaja lagi sebelum berakhirnya peperiksaan;

(vii) memberi peringatan kepada pelajar tentang kesan salah laku peperiksaan;

(viii) sekiranya seseorang pelajar dibenarkan meninggalkan Dewan Peperiksaan untuk sesuatu tujuan dan kemudian kembali semula, Ketua Pengawas hendaklah memastikan pelajar berada dalam pengawasan secukupnya semasa pelajar berada di luar Dewan Peperiksaan;

(ix) sekiranya berlaku salah laku menipu dan/atau meniru semasa peperiksaan, Ketua Pengawas hendaklah mengumpulkan bahan bukti dan mengambil kertas jawapan pelajar secara serta-merta. Walau bagaimanapun, pelajar dibenarkan meneruskan peperiksaan dengan menggunakan kertas jawapan baharu;

(x) melapor kejadian salah laku peperiksaan kepada Penyelia Peperiksaan atau wakilnya dengan serta-merta selepas tamatnya peperiksaan;

(xi) boleh membenarkan pelajar meninggalkan Dewan Peperiksaan sekiranya pelajar hendak menyerahkan buku/kertas jawapan lebih awal daripada 15 minit sebelum berakhirnya peperiksaan;

(xii) mengeluarkan arahan kepada Pengawas dan Pembantu Pengawas untuk mengutip buku dan/atau kertas jawapan selepas waktu peperiksaan tamat, iaitu pelajar masih duduk di tempat masing-masing. Buku dan/atau kertas jawapan yang kosong atau tidak digunakan hendaklah dikutip secara berasingan;

(xiii) bertanggungjawab atas hitungan dan pengesahan bilangan set buku dan/atau kertas jawapan yang diterima;

(xiv) bertanggungjawab atas penyerahan buku dan/atau kertas jawapan kepada Penyelia Peperiksaan atau wakilnya bersama buku dan/atau kertas jawapan yang kosong atau tidak digunakan;

(xv) tidak boleh menangguh, menggantung atau membatalkan sesuatu peperiksaan tanpa persetujuan Penyelia Peperiksaan;

(xvi) menyerahkan borang kehadiran Pengawas dan Pembantu Pengawas kepada Penyelia Peperiksaan atau wakilnya di pejabat fakulti selepas tamat waktu peperiksaan;

(xvii) mengumpulkan semua maklumat / bukti yang berkaitan dengan sebarang kes yang berkaitan dengan pelanggaran peraturan peperiksaan dan menyerahkan maklumat / keterangan kepada Pengarah Peperiksaan atau wakilnya;

(xviii) bertanggungjawab memastikan kelicinan perjalanan peperiksaan;

(xix) diberi kuasa untuk mengambil sebarang tindakan yang dirasakan perlu bagi membendung salah laku peperiksaan.

(d) Tanggungjawab Pengawas adalah seperti berikut:

(i) melapor diri kepada Ketua Pengawas di Dewan Peperiksaan 30 minit sebelum bermulanya peperiksaan;

(ii) meletakkan kertas soalan di atas meja pelajar sebelum pelajar dibenarkan masuk ke Dewan Peperiksaan;

(iii) memastikan maklumat yang tercatat dalam borang kehadiran pelajar

adalah sama dengan yang terdapat dalam MyKad/pasport dan/atau kad matrik pelajar dan slip pendaftaran kursus pelajar sebelum mengutip salinan kedua borang kehadiran pelajar;

(iv) mengutip buku dan/atau kertas jawapan selepas tamatnya waktu peperiksaan, semasa pelajar masih duduk di tempat masing- masing. Buku dan/atau kertas jawapan yang kosong atau tidak digunakan hendaklah dikutip secara berasingan;

(v) melaporkan kepada Ketua Pengawas jika terdapat sebarang salah laku ketika peperiksaan;

(vi) menjalankan tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pengawas.

(e) Tanggungjawab Pembantu Pengawas adalah seperti berikut:

(i) melapor diri kepada Penyelia Peperiksaan atau wakilnya di pejabat fakulti 30 minit sebelum peperiksaan bermula. Kemudian, Pembantu Pengawas dikehendaki pula melapor diri kepada Ketua Pengawas di Dewan Peperiksaan.

(ii) bertanggungjawab kepada Ketua Pengawas dan hendaklah:

a. Membawa semua keperluan peperiksaan ke tempat peperiksaan;

b. meletakkan alat keperluan peperiksaan di atas meja pelajar mengikut arahan Ketua Pengawas;

c. membantu meletakkan kertas soalan peperiksaan di atas meja pelajar sebelum pelajar dibenarkan masuk ke Dewan Peperiksaan;

d. berada dalam Dewan Peperiksaan sepanjang tempoh berlangsungnya peperiksaan;

e. membantu Pengawas mengutip buku dan/atau kertas jawapan pelajar;

f. memulangkan semua alat keperluan setelah selesainya peperiksaan kepada Penyelia Peperiksaan atau wakilnya di pejabat fakulti;

g. menjalankan tugas lain dari semasa ke semasa seperti yang diarahkan oleh Ketua Pengawas.

(4) Prosedur Semasa Peperiksaan Akhir

(1) Pengawas Peperiksaan dan Pembantu Pengawas Peperiksaan hendaklah bertanggungjawab untuk mengawas peperiksaan.

(2) Kecuali dengan kebenaran Penyelia Peperiksaan, sekurang-kurangnya dua (2) orang Pengawas Peperiksaan dilantik bagi sesuatu Dewan Peperiksaan. Seorang (1) daripada mereka akan dilantik sebagai Ketua Pengawas.

(3) Pelajar yang datang lewat di dewan / bilik peperiksaan, tetapi tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit, dibenarkan untuk menduduki peperiksaan. Walau bagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan peperiksaan sama seperti pelajar lain.

(4) Pelajar yang datang tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan bermula tidak dibenarkan memasuki Dewan/ Bilik peperiksaan dan tidak dibenarkan menduduki peperiksaan ini.

(5) Semua pelajar dikehendaki membawa slip pendaftaran subjek dan kad matrik dan/ atau kad pengenalan mereka ke Dewan / Bilik peperiksaan. Semua item mestilah diletakkan di sudut kanan meja untuk diperiksa oleh pengawas. Pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan jika gagal mengemukakan barang tersebut.

(6) Pelajar yang tidak membawa slip pendaftaran subjek dan kad matrik / kad identiti tidak dibenarkan menduduki peperiksaan, melainkan kebenaran telah dikeluarkan oleh Penyelia Peperiksaan.

(7) Pelajar dilarang membawa sebarang buku, kertas, gambar, nota, perkara yang mempunyai nota yang ditulis, kalkulator boleh atur, peranti komunikasi atau mana-mana peranti lain, ke dalam Dewan/ Bilik peperiksaan kecuali dibenarkan oleh Ketua Pengawas. Selain itu, pelajar juga tidak dibenarkan menerima apa-apa barang yang dinyatakan dari sesiapa kecuali yang dibenarkan oleh Naib Canselor seperti yang dicadangkan oleh Pemeriksa atau Majlis Pemeriksa.

(8) Mana-mana item/ peralatan/ peranti yang dipinjamkan kepada pelajar semasa peperiksaan mesti dikembalikan kepada pengawas peperiksaan apabila peperiksaan berakhir.

(9) Pelajar mesti mematuhi semua arahan yang diberikan dalam Dewan/ Bilik peperiksaan oleh Ketua Pengawas peperiksaan sepanjang tempoh peperiksaan.

(10) Dalam masa 15 minit sebelum peperiksaan bermula, pelajar dibenarkan:

a. isikan slip kehadiran dan halaman depan buku jawapan dengan butiran diperlukan;

b. baca soalan peperiksaan tanpa membuat sebarang catatan.

(11) Pelajar mesti menulis nama mereka, nombor kad pengenalan, kod subjek dan kursus, dan apa-apa maklumat lain yang diperlukan pada setiap buku/ kertas jawapan atau mana-mana yang lampiran lain digunakan.

(12) Pelajar mesti membaca dengan teliti dan mengikuti arahan yang dicetak di atas sampul surat buku jawapan.

(13) Pelajar mesti memastikan bahawa mereka diberi kertas soalan yang betul, tanpa kehilangan mana-mana halaman sebelum cuba menjawab apa-apa soalan. Sekiranya seorang (1) pelajar mendapat apa-apa kesilapan, pelajar harus memaklumkan kepada pengawas dengan segera.

(14) Semua jalan kerja berkaitan peperiksaan termasuk contengan kasar mesti dilakukan dalam buku jawapan. Halaman-halaman dalam buklet jawapan tidak boleh dibuang dari buku jawapan tersebut.

(15) Semua buku/ kertas jawapan, sama ada digunakan, tidak digunakan atau contengan kasar, tidak boleh dibawa keluar dari Dewan/ Bilik Peperiksaan.

(16) Pelajar adalah dilarang dari berkomunikasi dengan pelajar lain di sepanjang masa peperiksaan.

(17) Pelajar adalah dilarang makan, minum atau merokok di dalam Dewan/ Bilik Peperiksaan.

(18) Pada akhir tempoh peperiksaan, pelajar mesti memastikan bahawa buku/ kertas jawapan mereka (kecuali buku / kertas jawapan yang tidak digunakan atau apa- apa kertas contengan kasar) disusun dan diikat bersama dengan salinan pertama slip kehadiran, mengikut arahan yang diberikan, sebelum menghantar kepada pengawas.

(19) Pelajar hendaklah berada di tempat duduk selepas peperiksaan berakhir dan hanya boleh meninggalkan Dewan/ Bilik Peperiksaan selepas mendapat arahan untuk berbuat demikian dari Ketua Pengawas.

(20) Pelajar tidak dibenarkan mula menjawab soalan sebelum peperiksaan bermula dan tidak dibenarkan terus menulis jawapan selepas pemeriksaan berakhir.

(21) Pelajar hendaklah memasuki dan meninggalkan Dewan/ Bilik Peperiksaan dengan teratur.

(22) Pelajar tidak boleh merujuk atau menggunakan apa-apa bahan rujukan di dalam atau di luar Dewan/ Bilik Peperiksaan, semasa peperiksaan sedang dijalankan, kecuali dibenarkan oleh Ketua Pengawas.

(23) Pelajar tidak dibenarkan mengedar, memiliki atau memiliki apa-apa maklumat elektronik, dicetak atau apa-apa bentuk lain yang berkaitan dengan subjek yang diuji dalam peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan/ Bilik Peperiksaan melainkan dengan izin dari Ketua Pengawas.

(24) Pelajar tidak dibenarkan menggunakan apa-apa maklumat elektronik, dicetak atau apa-apa bentuk lain yang berkaitan untuk tujuan menjawab mana-mana soalan peperiksaan.

(25) Pelajar tidak dibenarkan untuk meniru atau cuba meniru atau melakukan apa-apa yang boleh disimpulkan sebagai meniru atau cuba meniru semasa peperiksaan dijalankan

(26) Sebarang bantuan daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan peperiksaan tidak boleh diberikan kepada atau diterima oleh pelajar, kecuali dibenarkan oleh Ketua Pengawas.

(27) Pelajar hendaklah mematuhi sepenuhnya tatacara berpakaian pelajar Universiti semasa berada di dalam Dewan / Bilik Peperiksaan. Pakaian yang dipakai mestilah sopan, kemas dan bersesuaian dengan peraturan yang berkuat kuasa.

(5) Salah Laku

Sekiranya mana-mana pelajar didapati melanggar mana-mana Peraturan Peperiksaan Akhir, maka salah laku peperiksaan ini akan dikemukakan kepada Urus setia Tatatertib Pelajar UTM untuk dimulakan tindakan prosiding tatatertib di bawah Kaedah-kaedah Universiti dan Kolej Universiti (UTM) (Tatatertib Pelajar) 2024.